

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016

PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI DAN
PRESTASI KEWANGAN
AGENSI

NEGERI KEDAH



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

**NEGERI KEDAH
TAHUN 2016**

Jabatan Audit Negara Malaysia



KANDUNGAN



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016	
Pendahuluan	3
Objektif dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016	4
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	9
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	9
Kumpulan Wang Disatukan	9
Wang Awam	11
Akaun Hasil Disatukan	14
Akaun Pinjaman Disatukan	26
Akaun Amanah Disatukan	27
Penyata Prestasi Kewangan	38
Penyata Akaun Memorandum	38
Akaun Belum Terima	43
Rumusan Dan Syor Audit	45
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11	49
Rumusan	52

PERKARA	MUKA SURAT
BAHAGIAN IV - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	


Pendahuluan	55
Pengauditan Penyata Kewangan	55
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	55
Pengesahan Penyata Kewangan	57
Pembentangan Penyata Kewangan	57
Prestasi Kewangan	58
Rumusan dan Syor Audit	70

BAHAGIAN V - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI	
---	--

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agenzi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	75
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	75
PENUTUP	79

LAMPIRAN	
-----------------	--

I Laporan Ketua Audit Negara	83
II Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	84
III Penyata Kedudukan Kewangan	85
IV Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	86
V Penyata Prestasi Kewangan	88
VI Penyata Akaun Memorandum	89
VII Nota Kepada Penyata Kewangan	90




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN


1. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Kedah Tahun 2016 ini mengandungi laporan mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Analisis Kewangan Kerajaan Negeri, Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri, Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan dan Prestasi Penyata Kewangan Agensi Negeri serta Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri. Laporan mengenai Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi yang biasanya dilaporkan dalam Laporan ini dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti/Kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2016 Siri 1.
2. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah akan memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah.
3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2016 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2016. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2016, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan adalah bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan adalah dibuat dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standard of Supreme Audit Institution (ISSAI) 1000*.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
11 Oktober 2017



INTISARI LAPORAN



INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun 2016. Dokumen sokongan bagi mengesahkan semua angka telah disediakan dengan sewajarnya. Rekod perakaunannya juga diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2016.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah memuaskan. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2016 adalah RM70.69 juta, meningkat sejumlah RM27.28 juta berbanding RM43.41 juta pada akhir tahun 2015. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri mencatatkan defisit sejumlah RM59.28 juta berbanding RM97.36 juta pada tahun 2015. Kutipan hasil meningkat sejumlah RM190.58 juta atau 46.4% menjadi RM601.63 juta berbanding RM411.05 juta pada tahun 2015. Tunggakan hasil meningkat sejumlah RM34.81 juta atau 19.4% menjadi RM214.38 juta daripada RM179.57 juta pada tahun 2015. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya meningkat sejumlah RM152.50 juta atau 30% iaitu daripada RM508.41 juta pada tahun 2015 kepada RM660.91 juta pada tahun 2016.

3. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM19.83 juta atau 6.3% daripada RM314.32 juta pada tahun 2015 kepada RM294.49 juta pada tahun 2016. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM5.39 juta atau 7.9% daripada RM68.39 juta pada tahun 2015 kepada RM73.78 juta pada tahun 2016. Pelaburan saham meningkat RM3.50 juta atau 28.9% pada tahun 2016. Jumlah hutang awam meningkat sejumlah RM36.46 juta atau 1.5% menjadi RM2.39 bilion berbanding RM2.36 bilion pada tahun 2015. Tunggakan hutang awam oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2016 ialah RM1.02 bilion.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

4. Pada keseluruhannya, prestasi pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan Negeri di bawah RMKe-11 yang berakhir pada tahun 2016 adalah memuaskan. Sejumlah RM251.35 juta atau 71% telah dibelanjakan berbanding RM353.77 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 1,187 jumlah projek yang dirancang, sebanyak 1,077 atau 90.7% telah berjaya disiapkan, 44 projek atau 3.7% sedang dilaksanakan, 40 projek atau 3.4% belum dimulakan dan hanya 26 projek atau 2.2% telah dibatalkan.

BAHAGIAN IV - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

5. Setakat 30 Jun 2017, penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2016 adalah memuaskan di mana 19 agensi atau 82.6% daripada 23 agensi telah menyerahkan penyata kewangan masing-masing kecuali tiga (3) BBN dan satu (1) PBT. Semua Penyata Kewangan Tahun 2015 telah disahkan dan diberi Sijil Tanpa Teguran kecuali Majlis Daerah Pendang diberi Sijil Berteguran. Setakat 30 Jun 2017, semua Penyata Kewangan Tahun 2015 BBN dan PBT telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah kecuali Penyata Kewangan Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah.

6. Pada keseluruhannya, prestasi kewangan tahun 2016 adalah kurang memuaskan, surplus pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul BBN menurun sejumlah RM27.56 juta atau 8.5%, jumlah aset bersih menurun sejumlah RM19.90 juta atau 4.1%, aset semasa bersih menurun sejumlah RM23.03 juta atau 7.5% dan surplus pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa menurun sejumlah RM43.90 juta atau 269.3% berbanding tahun 2015. Pada 31 Disember 2016, dua (2) anak syarikat yang aktif di bawah MAIK telah mendapat keuntungan terkumpul secara keseluruhannya yang berjumlah RM1.07 juta. Pada keseluruhannya, PBT mencatatkan defisit sejumlah RM18.60 juta pada tahun 2016. Tunggakan cukai taksiran telah meningkat sejumlah RM0.19 juta atau 0.2% daripada sejumlah RM92.77 juta pada tahun 2015 menjadi sejumlah RM92.96 juta pada tahun 2016.

BAHAGIAN V - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

7. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Tahun 2015 telah dibentangkan pada 10 Mei 2017. Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 11 kali masing-masing tujuh (7) kali pada tahun 2016 dan empat (4) kali sehingga 30 Jun 2017 bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan dan Agensi Negeri.

BAHAGIAN I
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2016

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.
- 1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 kepada Jabatan Audit Negara pada 25 Januari 2017. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2016 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam yang mengandungi Laporan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- 1.3. Laporan Bendahari menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri yang memberi ringkasan urus niaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.
- 1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri jangka panjang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.
- 1.5. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2016. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain.
- 1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam

Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil Negeri. Manakala liabiliti Kerajaan Negeri adalah Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan Pelbagai Liabiliti.

1.8. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2016. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan melalui surat pemerhatian Audit dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan. *Exit Conference* bersama YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan telah diadakan pada 15 Mei 2017.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KEDAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan Piawaian Pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 1000. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan Penyata Kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan Penyata Kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun 2016 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Akauntan Negara Malaysia pada bulan Disember 2011. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada keseluruhannya menunjukkan gambaran**

yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dan rekod perakaunannya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Kedah dan Bendahari Negeri Kedah, Laporan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



BAHAGIAN II
ANALISIS KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2016 juga membuat analisis terhadap data kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan serta kedudukan kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang telah dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2016 berjumlah RM70.69 juta. Jumlah ini merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah ini adalah dalam bentuk wang tunai berjumlah RM29.43 juta dan pelaburan berjumlah RM41.26 juta. Analisis Audit mendapati, baki Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM27.28 juta atau 62.8% iaitu daripada RM43.41 juta pada tahun 2015 menjadi RM70.69 juta pada tahun 2016. Peningkatan ini adalah berpunca daripada peningkatan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM108.48 juta walaupun terdapat penurunan Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM59.28 juta dan Akaun Pinjaman berjumlah RM21.92 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1
KUMPULAN WANG DISATUKAN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016		
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-497.93	-557.21	-59.28	11.9
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	23.86	1.94	-21.92	-91.9
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	517.48	625.96	108.48	21.0
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	122.45	133.68	11.23	9.2
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	-1,027.57	-1,058.57	-31.00	3.0
	ii) Kumpulan Wang Bekalan Air	87.64	116.65	29.01	33.1
	iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,062.38	1,075.60	13.22	1.2
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	120.27	187.32	67.05	55.7
	c) Akaun Deposit	274.76	304.96	30.20	11.0
KUMPULAN WANG DISATUKAN		43.41	70.69	27.28	62.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016


4.2.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan untuk tempoh lima (5) tahun menunjukkan trend kenaikan dan penurunan yang tidak sekata. Kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan yang tertinggi adalah pada tahun 2013 dan yang terendah adalah pada tahun 2015. Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2012 hingga tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**.

JADUAL 4.2
KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN	TAHUN				
		2012	2013	2014	2015	2016
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1	Akaun Hasil Disatukan	-334.46	-329.27	-400.57	-497.93	-557.21
2	Akaun Pinjaman Disatukan	27.53	29.14	33.66	23.86	1.94
3	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	476.13	509.07	515.15	517.48	625.96
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-618.28	-685.58	-749.84	122.45	133.68
	i) Kumpulan Wang Pembangunan	-796.61	-866.28	-932.26	-1,027.57	-1,058.57
	ii) Kumpulan Wang Bekalan Air	108.64	98.64	88.99	87.64	116.65
	iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	69.69	82.06	93.43	1,062.38	1,075.60
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	875.95	934.13	1,038.94	120.27	187.32
	c) Akaun Deposit	218.46	260.52	226.05	274.76	304.96
KUMPULAN WANG DISATUKAN		169.20	208.94	148.24	43.41	70.69

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

CARTA 4.1
TREND KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Wang Tunai

4.3.1.1. Wang tunai merupakan sebahagian daripada aset Kerajaan Negeri yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Wang tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah baki wang tunai di dalam akaun semasa dan Deposit Dalam Negeri iaitu simpanan tetap yang disimpan kurang daripada tiga (3) bulan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dibankkan serta wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa. Manakala Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas yang diberi kepada pemegang panjar sebagai pendahuluan perbelanjaan. Kedudukan baki Wang Tunai bagi tahun 2016 berbanding 2015 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
WANG TUNAI TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2015	2016	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Wang Tunai				
a) Wang Tunai Dalam Bank	5.24	15.02	9.78	186.6
b) Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.43	14.34	13.91	3,234.9
c) Wang Tunai Dalam Tangan	0.05	0.07	0.02	40.0
JUMLAH	5.72	29.43	23.71	414.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

4.3.1.2. Analisis Audit mendapati baki wang tunai menunjukkan peningkatan sejumlah RM23.71 juta atau 414.5% iaitu daripada RM5.72 juta pada tahun 2015 kepada RM29.43 juta pada tahun 2016. Baki Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan peningkatan tertinggi iaitu sejumlah RM13.91 juta atau 3,234.9% berbanding tahun sebelumnya. Baki Wang Tunai Dalam Bank pula meningkat RM9.78 juta atau 186.6% berbanding tahun 2015 manakala baki Wang Tunai Dalam Tangan meningkat RM0.02 juta atau 40% pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Pada keseluruhannya, peningkatan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2016 adalah disebabkan peningkatan Wang Tunai Dalam Perjalanan antaranya melibatkan terimaan hasil Premium Hutan berjumlah RM10.02 juta dan sumbangan Agensi serta anak syarikat Negeri berjumlah RM2 juta.

4.3.2. Pelaburan

4.3.2.1. Pelaburan Kerajaan Negeri hanya terdiri daripada Pelaburan Am dan **tidak mempunyai Pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Pelaburan Am adalah pelaburan daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan yang terdiri daripada Saham dan Deposit Dalam Negeri.** Pelaburan Saham terdiri daripada pelaburan dalam Kedah Islamic Asset Management Bhd., Malaysia Airports Holdings Berhad dan Petronas Dagangan Berhad. Manakala Deposit Dalam Negeri terdiri daripada simpanan tetap yang disimpan melebihi tiga (3) bulan. Baki pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2016 berjumlah RM41.26 juta meningkat sejumlah RM3.56 juta atau 9.4% berbanding RM37.70 juta pada tahun 2015. Peningkatan ini adalah disebabkan pertambahan baki Deposit Dalam Negeri sejumlah RM3.56 juta. Manakala nilai buku dan pegangan Saham Kerajaan Negeri pada tahun 2016 tidak berubah iaitu berjumlah RM18.96 juta berbanding tahun 2015. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.4.**

**JADUAL 4.4
PELABURAN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015**

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2015	2016	(RM Juta)	(%)
			(RM Juta)	
Pelaburan Am				
a) Saham	18.96	18.96	0.00	0.0
i) <i>Kedah Islamic Asset Management Berhad</i>	7.09	7.09	0.00	0.0
ii) <i>Malaysia Airports Holdings Berhad</i>	9.35	9.35	0.00	0.0
iii) <i>Petronas Dagangan Berhad</i>	2.52	2.52	0.00	0.0
b) Deposit Dalam Negeri	18.74	22.30	3.56	19.0
JUMLAH	37.70	41.26	3.56	9.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

4.3.2.2. Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Jadual 4.5**. Baki pelaburan pada tahun 2015 adalah kedudukan baki yang terendah dalam tempoh lima (5) tahun.

JADUAL 4.5
PELABURAN BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN	TAHUN				
		2012	2013	2014	2015	2016
		(RM Juta)				
1.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah:	2.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	a) Deposit Dalam Negeri	2.00	0.00	0.00	0.00	0.00
2.	Pelaburan Am:	59.14	65.21	84.03	37.70	41.26
	a) Saham	20.14	20.14	18.96	18.96	18.96
	b) Deposit Dalam Negeri	39.00	45.07	65.07	18.74	22.30
JUMLAH		61.14	65.21	84.03	37.70	41.26

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

4.3.2.3. Analisis Audit mendapati pendapatan daripada Pelaburan Am dan Deposit Dalam Negeri pada tahun 2016 menunjukkan penurunan sejumlah RM1.66 juta atau 36.5% menjadi RM2.89 juta berbanding RM4.55 juta pada tahun 2015. Penurunan ini adalah disebabkan Deposit Dalam Negeri bertambah pada hujung tahun 2016 dan belum menerima keuntungan pada 31 Disember 2016. Pendapatan daripada keuntungan Deposit Dalam Negeri pada tahun 2016 berjumlah RM1.74 juta berbanding RM3.68 juta pada tahun 2015. Manakala dividen pelaburan saham pada tahun 2016 berjumlah RM1.15 juta terdiri daripada dividen saham Malaysia Airports Holdings Berhad berjumlah RM0.32 juta dan Petronas Dagangan Berhad berjumlah RM0.83 juta. Tiada dividen diterima dari saham Kedah Islamic Asset Management Berhad pada tahun semasa. Pendapatan daripada Pelaburan pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.6** dan kedudukan pendapatan Pelaburan bagi tahun 2012 hingga tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 4.7**.

JADUAL 4.6
PENDAPATAN PELABURAN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	PELABURAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Saham	0.87	1.15	0.28	32.2
2.	Deposit Dalam Negeri	3.68	1.74	-1.94	-52.7
JUMLAH		4.55	2.89	-1.66	-36.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016 dan Penyata Terimaan dan Bayaran SSI

JADUAL 4.7
PENDAPATAN PELABURAN BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016

BIL.	PELABURAN	TAHUN				
		2012	2013	2014	2015	2016
		(RM Juta)				
1.	Saham	1.93	1.83	1.28	0.87	1.15*
2.	Deposit Dalam Negeri	5.72	5.04	6.52	3.68	1.74
JUMLAH		7.65	6.87	7.80	4.55	2.89

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

Nota: * - Tidak diakaunkan dalam Akaun Hasil Disatukan

4.3.2.4. Analisis Audit seterusnya mendapati keseluruhan dividen pelaburan Saham berjumlah RM1.15 juta pada tahun 2016 telah diperakaunkan ke dalam Akaun Amanah State Secretary Incorporated (SSI) mengikut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK). **Dividen ini boleh diperakaunkan ke akaun hasil Kerajaan Negeri bagi menampung perbelanjaan pembangunan dan mengurus Kerajaan Negeri kerana pembelian Saham dibuat daripada lebihan Akaun Hasil Disatukan.**

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

4.4.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua terimaan wang serta perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

4.4.2. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2016 dengan defisit semasa berjumlah RM59.28 juta berbanding defisit berjumlah RM97.36 juta pada tahun 2015. Defisit ini adalah berpunca daripada kutipan hasil berjumlah RM601.63 juta dan tidak dapat menampung perbelanjaan mengurus berjumlah RM660.91 juta. Defisit semasa ini menyebabkan **baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah meningkat daripada RM497.93 juta pada tahun 2015 kepada RM557.21 juta pada tahun 2016.** Kedudukan Akaun Hasil Disatukan adalah seperti di **Jadual 4.8.**

JADUAL 4.8
AKAUN HASIL DISATUKAN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN		
		2015	2016			
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
Baki Pada 1 Januari		-400.57	-497.93	-97.36	24.3	
Hasil		411.05	601.63	190.58	46.4	
1.	Hasil Cukai	212.23	352.92	140.69	66.3	
2.	Hasil Bukan Cukai	73.92	73.20	-0.72	-1.0	
3.	Terimaan Bukan Hasil	124.90	175.51	50.61	40.5	

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Perbelanjaan		508.41	660.91	152.50	30.0
1.	Emolumen	193.69	208.08	14.39	7.4
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	147.45	138.33	-9.12	-6.2
3.	Aset	12.06	10.81	-1.25	-10.4
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	144.21	291.08	146.87	101.8
5.	Perbelanjaan Lain	11.00	12.61	1.61	14.6
Defisit		-97.36	-59.28	38.08	-39.1
BAKI PADA 31 DISEMBER		-497.93	-557.21	-59.28	-11.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016


4.4.2.1. Prestasi Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh tahun 2012 hingga tahun 2016 menunjukkan trend menurun seperti **Jadual 4.9** dan **Carta 4.2**.

JADUAL 4.9
BAKI AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN	TAHUN					
		2012	2013	2014	2015	2016	
		(RM Juta)					
Baki Pada 1 Januari		-295.84	-334.46	-329.27	-400.57	-497.93	
Hasil		418.46	518.43	506.48	411.05	601.63	
1.	Hasil Cukai	227.42	318.54	258.38	212.23	352.92	
2.	Hasil Bukan Cukai	59.87	62.15	84.38	73.92	73.20	
3.	Terimaan Bukan Hasil	131.17	137.74	163.72	124.90	175.51	
Perbelanjaan		457.08	513.24	577.78	508.41	660.91	
1.	Emolumen	178.58	189.15	193.93	193.69	208.08	
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	111.95	119.13	130.05	147.45	138.33	
3.	Aset	11.42	7.90	13.21	12.06	10.81	
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	144.90	187.37	232.91	144.21	291.08	
5.	Perbelanjaan Lain	10.23	9.69	7.68	11.00	12.61	
Surplus/Defisit		-38.62	5.19	-71.30	-97.36	-59.28	
BAKI PADA 31 DISEMBER		-334.46	-329.27	-400.57	-497.93	-557.21	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

CARTA 4.2
TREND AKAUN HASIL DISATUKAN TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

4.4.3. Hasil


Hasil Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai adalah hasil yang dikutip berdasarkan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri. Hasil Bukan Cukai adalah hasil yang dikutip bagi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan untuk rakyat. Terimaan Bukan Hasil pula adalah terdiri daripada pelbagai pemberian yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri menganggarkan sejumlah RM721.62 juta kutipan hasil pada tahun 2016. Pada keseluruhannya hasil yang dikutip pada tahun 2016 adalah berjumlah RM601.63 juta iaitu 83.4% daripada anggaran hasil. Hasil pada tahun semasa meningkat sejumlah RM190.58 juta atau 46.4% berbanding tahun 2015 berjumlah RM411.05 juta seperti di **Jadual 4.10** dan **Carta 4.3**.

JADUAL 4.10
KUTIPAN HASIL TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	212.23	352.92	140.69	66.3
2.	Hasil Bukan Cukai	73.92	73.20	-0.72	-1.0
3.	Terimaan Bukan Hasil	124.90	175.51	50.61	40.5
JUMLAH		411.05	601.63	190.58	46.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

CARTA 4.3
KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

4.4.3.1. Hasil Cukai

Hasil Cukai mencatatkan pungutan tertinggi dalam komponen Hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2016 iaitu berjumlah RM352.92 juta atau 61.4% daripada jumlah keseluruhan hasil. Hasil Cukai yang dapat dipungut dalam tahun semasa mencatatkan peningkatan berjumlah RM140.69 juta menjadi RM352.92 juta berbanding tahun 2015 berjumlah RM212.23 juta. Secara keseluruhannya, Hasil Cukai mencatat 79.9% daripada anggaran yang ditetapkan berjumlah RM441.57 juta pada tahun 2016. Peningkatan kutipan Hasil Cukai adalah disebabkan semakan semula kadar Cukai Sewa Tanah oleh Kerajaan Negeri berdasarkan Aturan 15 Aturan Tanah Kedah 1966 Pindaan 2015 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2016. Ini memberi kesan ketara di mana kutipan Premium Tanah telah bertambah sejumlah RM74.22 juta atau 325.4% menjadi RM97.03 juta berbanding RM22.81 juta pada tahun 2015. Selain itu, Cukai Sewa Tanah Berulang juga mencatatkan peningkatan sejumlah RM53.19 juta atau 32.1% kepada RM165.71 juta berbanding RM125.52 juta pada tahun 2015.

4.4.3.2. Hasil Bukan Cukai

Hasil Bukan Cukai pada tahun 2016 menunjukkan penurunan sejumlah RM0.72 juta menjadi RM73.20 juta berbanding tahun 2015 berjumlah RM73.92 juta. Penurunan ini antaranya disebabkan pengurangan terimaan daripada hasil Bayaran-bayaran Lain sejumlah RM9.65 juta atau 76% menjadi RM3.04 juta berbanding RM12.70 juta pada tahun 2015. Selain itu, Keuntungan

dan Hasil Dari Wang Simpanan Tetap Dengan Bank menurun sejumlah RM1.94 juta atau 52.7% menjadi RM1.74 juta pada tahun 2016 berbanding RM3.68 juta pada tahun 2015. Bagaimanapun, beberapa Hasil Bukan Cukai menunjukkan peningkatan antaranya hasil Bayaran Pendaftaran Suratcara Urusan Tanah yang bertambah sejumlah RM5.57 juta atau 26% kepada RM27 juta pada tahun 2016 berbanding RM21.43 juta pada tahun 2015. Selain itu, hasil Berbagai Bayaran Perkhidmatan Yang Lain juga menunjukkan peningkatan sejumlah RM2.07 juta atau 28.8% menjadi RM9.25 juta berbanding RM7.18 juta pada tahun 2015.

4.4.3.3. Terimaan Bukan Hasil

Terimaan Bukan Hasil telah mencatatkan peningkatan berjumlah RM50.61 juta atau 40.5% kepada RM175.51 juta pada tahun 2016 berbanding RM124.90 juta pada tahun 2015. Faktor peningkatan antaranya disebabkan pertambahan terimaan daripada hasil Bayaran-bayaran Balik Yang Lain yang berjumlah RM25.08 juta atau 35,828.6% menjadi RM25.15 juta pada tahun 2016 berbanding RM0.07 juta pada tahun 2015. Peningkatan yang ketara ini adalah disebabkan bayaran balik pendahuluan gaji kakitangan berjumlah RM14.36 juta yang diterima daripada Kementerian Pendidikan Malaysia berikutan opsyen tukar lantik jawatan guru dan kakitangan bagi Maktab Mahmud Negeri Kedah yang didaftarkan sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Pertambahan terimaan juga disebabkan pelarasan 2 akaun amanah yang ditutup melibatkan Akaun Amanah Dana Pusingan Projek-Projek Pembangunan berjumlah RM10 juta dan Akaun Amanah Penyelesaian Kes-Kes Mahkamah berjumlah RM0.70 juta. Selain itu, pertambahan terimaan berjumlah RM26.91 juta adalah merupakan pelarasan bagi caruman bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan.

a. Peningkatan Dan Penurunan Hasil

Butiran hasil yang mengalami peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.11** dan **Jadual 4.12**.

JADUAL 4.11
PENINGKATAN HASIL YANG KETARA TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	BUTIRAN	PUNGUTAN HASIL (TAHUN)		PERUBAHAN		PUNCA
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)	
		(RM Juta)	(%)			
Hasil Cukai						
1.	Premium Tanah	22.81	97.03	74.22	325.4	<ul style="list-style-type: none"> Premium Tanah Pejabat Tanah Kuala Muda meningkat kepada RM27.93 juta berbanding RM6.26 juta pada tahun 2015 disebabkan terimaan dari Kem Hobart, Gurun yang berjumlah RM26.78 juta. Premium Tanah Pejabat Tanah Baling meningkat sejumlah RM14.53 juta disebabkan terimaan daripada BDB Land Sdn. Bhd., Felcra Bhd. dan Nada Muhibbah Sdn. Bhd. Premium Tanah Pejabat Tanah Kubang Pasu meningkat sejumlah RM13.63 juta disebabkan terimaan daripada pelbagai syarikat swasta dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Kedah.
2.	Cukai Sewa Tanah Berulang	112.52	165.71	53.19	47.3	<ul style="list-style-type: none"> Kutipan tertinggi Pejabat Tanah Kuala Muda berjumlah RM45.76 juta dan Pejabat Tanah Kulim berjumlah RM34.82 juta. Kutipan oleh Pejabat Tanah Langkawi daripada Tanjung Rhu Land Sdn. Bhd. berjumlah RM2.49 juta, Tanah PTP daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM4.18 juta, Lembaga Pembangunan Langkawi berjumlah RM1.76 juta dan Teluk Datai Resort Sdn. Bhd. berjumlah RM1.08 juta.
Hasil Bukan Cukai						
3.	Tanah (Bayaran Pendaftaran Suratcara Urusan Tanah)	21.43	27.00	5.57	26.0	Semakan semula kadar royalti berdasarkan Aturan 15 Aturan Tanah Kedah 1966 Pindaan 2015 yang berkuatkuasa mulai Januari 2016 melibatkan kenaikan kadar bagi Bayaran Pendaftaran Urusniaga & Bukan Urusniaga dan kadar Bayaran Borang 14A.
4.	Berbagai Bayaran Perkhidmatan Yang Lain	7.18	9.25	2.07	28.8	Terimaan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bagi bayaran hangus 40% daripada jumlah Fi Komitmen berjumlah RM4 juta bagi cadangan penswastaan pembangunan semula Dataran Lang, Langkawi berdasarkan keputusan MMK.

BIL.	BUTIRAN	PUNGUTAN HASIL (TAHUN)		PERUBAHAN		PUNCA
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	
Terimaan Bukan Hasil						
5.	Bayaran-Bayaran Balik Yang Lain	0.07	25.15	25.08	35,828.6	<ul style="list-style-type: none"> • Terimaan hasil daripada Kementerian Pendidikan Malaysia berikutan opsyen tukar lantik jawatan guru dan kakitangan Maktab Mahmud Negeri Kedah sebagai SABK melibatkan bayaran balik pendahuluan gaji kakitangan berjumlah RM14.36 juta. • Pelarasan 2 Akaun Amanah yang ditutup berjumlah RM10.70 juta.
6.	Penerimaan Dari Lain-Lain Agensi Kerajaan	0.00	10.24	10.24	100.0	Terimaan adalah berdasarkan Enakmen Lembaga Sumber Air Kedah 2008 daripada Syarikat Air Darul Aman bagi bulan Mac hingga Ogos 2015 dan Oktober hingga Disember 2015 berjumlah RM10.24 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

JADUAL 4.12 PENURUNAN HASIL YANG KETARA TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	BUTIRAN HASIL	PUNGUTAN HASIL (TAHUN)		PERUBAHAN		PUNCA
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	
Hasil Bukan Cukai						
1.	Bayaran-Bayaran Lain	12.70	3.04	-9.66	-76.1	Pengurangan kutipan hasil bagi Tanah Simpanan Melayu/ Sekatan Kepentingan berjumlah RM4.89 juta disebabkan permohonan swapping yang diluluskan hanya berjumlah RM3.44 juta berbanding tahun 2015 berjumlah RM8.33 juta.
2.	Keuntungan Dan Hasil dari Wang Simpanan Tetap Dengan Bank	3.68	1.74	-1.94	-52.7	Belum menerima keuntungan daripada simpanan tetap pada 31 Disember 2016 kerana pertambahan Deposit Dalam Negeri dibuat pada penghujung tahun 2016.
Terimaan Bukan Hasil						
3.	Pemberian Pertambahan Hasil Kepada Kerajaan Negeri	7.91	0.00	-7.91	-100.0	Tiada penerimaan daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun semasa. Pemberian ini dibuat mengikut Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 [Akta 181].
4.	Terimaan Daripada Anak Syarikat Negeri Kedah	8.93	4.16	-4.77	-53.4	Penurunan penerimaan daripada anak-anak syarikat Negeri Kedah walaupun terdapat penerimaan daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK).

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

b. Penyumbang utama hasil Kerajaan terdiri daripada Cukai Tanah, Premium Tanah, Pemberian Bayaran untuk Membiayai Separuh Kos Perbelanjaan Pengurusan (50%) bagi Jabatan di bawah Senarai Bersama, Pemberian Bayaran 10% Kerana Melaksanakan Projek Pembangunan Persekutuan, Premium Hutan, Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk, Bayaran Pendaftaran Surat Cara Urusan Tanah dan Royalti Pengeluaran Bahan Batuan. Hasil tersebut menyumbang sejumlah RM432.46 juta atau 75.2% daripada keseluruhan hasil dalam tahun 2016 berbanding kutipan berjumlah RM281.84 juta atau 68.6% dalam tahun 2015 seperti di **Jadual 4.13**. Manakala trend kutipan bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2012 hingga tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 4.14**. Kutipan Cukai Tanah merupakan penyumbang terbesar pada setiap tahun dengan kutipan berjumlah RM612.39 juta bagi tempoh lima (5) tahun dan diikuti oleh Premium Tanah dan Pemberian Bayaran 10% Kerana Melaksanakan Projek Pembangunan Persekutuan masing-masing berjumlah RM378.54 juta dan RM147.96 juta.

JADUAL 4.13

PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2016 DAN TAHUN 2015

BIL.	BUTIRAN	TAHUN			
		2015		2016	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	112.52	27.4	165.71	28.8
2.	Premium Tanah	22.81	5.5	97.03	16.9
3.	Pemberian Bayaran Bagi Membiayai Separuh Kos Perbelanjaan Pengurusan (50%) bagi Jabatan di bawah Senarai Bersama	30.31	7.4	33.21	5.8
4.	Premium Hutan	30.67	7.5	33.16	5.8
5.	Pemberian Bayaran 10% Kerana Melaksanakan Projek Pembangunan Persekutuan	21.23	5.2	29.95	5.2
6.	Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk	28.78	7.0	29.08	5.1
7.	Tanah (Bayaran Pendaftaran Surat Cara Urusan Tanah)	21.43	5.2	27.01	4.7
8.	Royalti Pengeluaran Bahan Batuan	14.09	3.4	17.31	3.0
JUMLAH		281.84	68.6	432.46	75.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

JADUAL 4.14
PENYUMBANG UTAMA HASIL
KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN	TAHUN					JUMLAH
		2012	2013	2014	2015	2016	
		(RM Juta)					
1.	Cukai Tanah	107.08	111.00	116.08	112.52	165.71	612.39
2.	Premium Tanah	40.60	147.47	70.63	22.81	97.03	378.54
3.	Pemberian Bayaran 10% Kerana Melaksanakan Projek Pembangunan Persekutuan	33.06	31.32	32.40	21.23	29.95	147.96
4.	Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk	28.11	28.36	28.62	28.78	29.08	142.95
5.	Pemberian Bayaran bagi Membiayai Separuh Kos Perbelanjaan Pengurusan (50%)	23.06	25.36	28.45	30.31	33.21	140.39

BIL.	BUTIRAN	TAHUN					JUMLAH (RM Juta)
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	
	bagi Jabatan di bawah Senarai Bersama						
6.	Premium Hutan	32.93	10.80	30.10	30.67	33.16	137.66
7.	Bayaran Pendaftaran Surat Cara Urusan Tanah	22.11	21.90	22.57	21.43	27.01	115.02
8.	Royalti Pengeluaran Bahan Batuan	20.38	16.20	14.11	14.09	17.31	82.09
JUMLAH		307.33	392.41	342.96	281.84	432.46	1,757.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

4.4.4. Perbelanjaan Mengurus

4.4.4.1 Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan ini diperakaunkan ke Akaun Hasil Disatukan seperti yang diperuntukkan oleh Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan. Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan iaitu Peruntukan DiRaja, Speaker Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Hutang Kerajaan dan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah. Manakala Perbelanjaan Bekalan adalah perbelanjaan bagi membiayai aktiviti harian Jabatan Negeri. Pada tahun 2016, sejumlah RM829.50 juta peruntukan Perbelanjaan Mengurus telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Perbelanjaan mengurus sebenar pada tahun 2016 adalah berjumlah RM660.91 juta iaitu 79.7% daripada jumlah yang diperuntukkan. Perbandingan antara peruntukan dan perbelanjaan mengurus sebenar bagi tahun 2016 adalah seperti **Jadual 4.15**.

JADUAL 4.15
PERBELANJAAN MENGURUS BERBANDING PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2016

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	PENCAPAIAN
		(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	245.32	208.08	84.8
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	157.68	138.33	87.7
3.	Aset	15.46	10.81	69.9
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	396.08	291.08	73.5
5.	Perbelanjaan Lain	14.96	12.61	84.3
JUMLAH		829.50	660.91	79.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016

4.4.4.2. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri secara keseluruhannya meningkat sejumlah RM152.50 juta atau 30% iaitu daripada RM508.41 juta pada tahun 2015 kepada RM660.91 juta pada tahun 2016. Analisis Audit mendapati perbelanjaan bagi Pemberian dan Kenaan Tetap, Emolumen dan Perbelanjaan Lain meningkat masing-masing sejumlah RM146.87 juta, RM14.39 juta dan

RM1.61 juta pada tahun 2016. Manakala perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan menunjukkan penurunan sejumlah RM9.12 juta kepada RM138.33 juta pada tahun 2016 berbanding RM147.45 juta pada tahun 2015. Selain itu, perbelanjaan bagi Aset juga menurun sejumlah RM1.25 juta kepada RM10.81 juta pada tahun 2016 berbanding RM12.06 juta pada tahun 2015. Kedudukan perbelanjaan mengurus mengikut maksud perbelanjaan pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.16**.

JADUAL 4.16
PERBELANJAAN MENGURUS MENGIKUT
MAKSUD PERBELANJAAN TAHUN 2016 DAN TAHUN 2015

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	193.69	208.08	14.39	7.4
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	147.45	138.33	-9.12	-6.2
3.	Aset	12.06	10.81	-1.25	-10.4
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	144.21	291.08	146.87	101.8
5.	Perbelanjaan Lain	11.00	12.61	1.61	14.6
JUMLAH		508.41	660.91	152.50	30.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

4.4.4.3. Perubahan Perbelanjaan Yang Ketara Tahun 2016 Berbanding Tahun 2015

Butiran perbelanjaan yang menunjukkan peningkatan dan penurunan ketara pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.17**.

JADUAL 4.17
PENINGKATAN/PENURUNAN
PERBELANJAAN YANG KETARA TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	PERBELANJAAN (TAHUN)		PERUBAHAN		PUNCA PENINGKATAN/PENURUNAN
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	
Peningkatan						
1.	Pemberian Dalam Negeri	134.79	233.62	98.83	73.3	<ul style="list-style-type: none"> • Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM115 juta pada tahun semasa berbanding tiada pindahan pada tahun 2015. • Pemberian kepada Pusat Khidmat Masyarakat/ DUN sejumlah RM6.03 juta berbanding RM2.85 juta pada tahun 2015. • Pemberian kepada Perbadanan Perpustakaan Negeri Kedah berjumlah RM5.02 juta berbanding RM3.80 juta pada tahun 2015.
2.	Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang Negara	0.00	35.65	35.65	100.0	Bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah, Projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Kedah dan Projek Pelbagai.

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	PERBELANJAAN (TAHUN)		PERUBAHAN		PUNCA PENINGKATAN/PENURUNAN
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	
3.	Tuntutan Insuran dan Pampasan	0.25	7.40	7.15	2,860.0	Pembayaran penyelesaian kes mahkamah kepada Seroja Engineering Sdn. Bhd. sejumlah RM7.28 juta.
4.	Pencen	5.63	9.69	4.06	72.1	Kenaikan pencen Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah berdasarkan kelulusan MMK berkuatkuasa pada 1 Januari 2016.
Penurunan						
5.	Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti	76.37	72.15	-4.22	-5.5	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran akhir perkhidmatan program e-Tutor Online Portal Negeri Kedah berjumlah RM8 juta berbanding RM10 juta pada tahun 2015. • Pengurangan bayaran pelbagai perkhidmatan antaranya bayaran sistem mekanikal dan elektrik, bayaran mencuci dan membersih pejabat, perkhidmatan pakej lawatan kerja rasmi, perkhidmatan sound system dan bayaran pekhidmatan pemasangan papan iklan yang berjumlah RM6.98 juta berbanding RM9.03 juta pada tahun 2015.
6.	Kenderaan dan Jentera	5.60	3.87	-1.73	-30.9	Tiada pembelian kenderaan dan jentera pada tahun semasa.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

4.4.4.4. Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2012 Hingga Tahun 2016


Perbelanjaan mengurus bagi tempoh tahun 2012 hingga tahun 2016 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.18** dan **Carta 4.4**. Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

JADUAL 4.18
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	TAHUN				
		2012	2013	2014	2015	2016
		(RM Juta)				
1.	Emolumen	178.58	189.15	193.93	193.69	208.08
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	111.95	119.13	130.05	147.45	138.33
3.	Aset	11.42	7.90	13.21	12.06	10.81
4.	Pemberian dan Kenaan Tetap	144.90	187.37	232.91	144.21	291.08
5.	Perbelanjaan Lain	10.23	9.69	7.68	11.00	12.61
JUMLAH		457.08	513.24	577.78	508.41	660.91

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

CARTA 4.4
PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

4.4.4.5. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP58(a)] menetapkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat Jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Semakan Audit mendapati perbelanjaan di bawah AP58(a) pada tahun 2016 berjumlah RM3.71 juta melibatkan 1,012 baucar bayaran di 32 Jabatan meningkat sejumrah RM0.83 juta berbanding tahun 2015 berjumlah RM2.88 juta melibatkan 754 baucar bayaran. Daripada 32 Jabatan yang terlibat, 17 Jabatan menunjukkan peningkatan bayaran manakala 15 Jabatan menunjukkan penurunan. Pembayaran di bawah AP58(a) melibatkan pelbagai jenis perbelanjaan antaranya bayaran balik emolumen dan bonus, perbelanjaan dan bekalan, serta kos rawatan sakit kakitangan Kerajaan Negeri. Pembayaran tersebut telah dibuat kerana bil/tuntutan diterima selepas penutupan akaun tahun 2015 dan kesilapan maklumat dalam Penyata Perubahan Gaji (Kew. 8). Semua perbelanjaan tersebut telah mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri. Pembayaran di bawah AP58(a) bagi tahun 2016 mengikut Jabatan adalah seperti di **Jadual 4.19**.

JADUAL 4.19
JABATAN/PEJABAT YANG MEMBUAT BAYARAN
DI BAWAH AP58(a) TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	JABATAN/PEJABAT	TAHUN 2015		TAHUN 2016		PERUBAHAN	
		JUMLAH (RM Juta)	BIL. BAUCAR	JUMLAH (RM Juta)	BIL. BAUCAR	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	1.61	335	2.48	421	0.87	54.0
2.	Pejabat DYMM Sultan	0.45	42	0.34	77	-0.11	-24.4
3.	Jabatan Kerja Raya	0.13	63	0.22	182	0.09	69.2
4.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah	0.03	7	0.11	55	0.08	266.7
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran	0.16	25	0.11	63	-0.05	-31.3
6.	27 Jabatan/Pejabat Lain	0.50	282	0.45	214	-0.05	-10.0
JUMLAH		2.88	754	3.71	1,012	0.83	28.8

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Kedah Tahun 2015 dan 2016

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan Kerajaan Negeri Kedah mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek bagi Rancangan Bekalan Air, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Badan Berkanun Negeri dan Pelbagai. Selain itu, Akaun ini juga mengakaunkan pinjaman yang diagihkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air.

4.5.2. Baki terkumpul Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2016 berkurang sejumlah RM21.92 juta atau 91.9% iaitu daripada RM23.86 juta pada tahun 2015 kepada RM1.94 juta pada tahun 2016. Baki terkumpul Akaun Pinjaman Disatukan mengikut kategori pinjaman pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.20**.

JADUAL 4.20
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Rancangan Bekalan Air	21.92	0.0	-21.94	-100.0
2.	Pelbagai	1.94	1.94	0.00	0.0
JUMLAH		23.86	1.94	-21.92	-91.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

4.5.3. Sejumlah RM63.37 juta telah diterima dalam tahun semasa bagi pinjaman Bekalan Air dan sejumlah RM85.29 juta telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Bekalan Air. Tiada terimaan bagi Pinjaman Pelbagai dalam tahun 2016. Kedudukan terimaan dan pindahan di Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 4.21**.

JADUAL 4.21
KEDUDUKAN TERIMAAN DAN PINDAHAN
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2015	2016	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	33.66	23.86	-9.80	-29.1
Terimaan	20.00	63.37	43.37	216.9
Pindahan	29.80	85.29	55.49	186.2
BAKI PADA 31 DISEMBER	23.86	1.94	-21.92	-91.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

4.5.4. Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri mengambil keputusan memindahkan kesemua baki pinjaman bagi Projek Bekalan Air dan terimaan pada tahun semasa berjumlah RM85.29 juta ke Kumpulan Wang Bekalan Air. Pindahan ini adalah selaras dengan perenggan 7.1.3 Piawaian Perakaunan Kerajaan 5, di mana pinjaman bagi tujuan pembangunan dan perumahan yang telah dikreditkan ke Akaun Pinjaman Disatukan hendaklah dipindahkan ke Kumpulan Wang masing-masing. Bagaimanapun, terdapat baki Pinjaman Disatukan bagi Pinjaman Pelbagai yang dibuat pada tahun 1998 dan 2007 berjumlah RM1.94 juta masih belum dipindahkan.

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlombagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Cara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2016 berjumlah RM625.96 juta meningkat sejumlah RM108.48 juta atau 21% berbanding RM517.48 juta pada tahun 2015. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

JADUAL 4.22
BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:	122.45	133.68	11.23	9.2
	a) Kumpulan Wang Pembangunan	-1,027.57	-1,058.57	-31.00	3.0
	b) Kumpulan Wang Bekalan Air	87.64	116.65	29.01	33.1
	c) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,062.38	1,075.60	13.22	1.2
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	120.27	187.32	67.05	55.7
3.	Akaun Deposit	274.76	304.96	30.20	11.0
JUMLAH		517.48	625.96	108.48	21.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

4.6.1. Peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah Disatukan pada tahun 2016 berjumlah RM108.48 juta adalah daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Amanah Awam. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan meningkat sejumlah RM11.23 juta atau 9.2% menjadi RM133.68 juta pada tahun 2015 berbanding RM122.45 juta pada tahun 2015. Manakala baki Kumpulan Wang Amanah Awam meningkat sejumlah RM67.05 juta atau 55.7% menjadi RM187.32 juta pada tahun 2016 berbanding RM120.27 juta pada tahun 2015. Selain itu, baki Akaun Deposit juga mengalami peningkatan sejumlah RM30.20 juta atau 11% menjadi RM304.96 juta berbanding RM274.76 juta pada tahun 2015. Kedudukan baki akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2012 hingga tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 4.23**.

JADUAL 4.23
BAKI AKAUN AMANAH DISATUKAN TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN	TAHUN				
		2012	2013	2014	2015	2016
		(RM Juta)				
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	-618.28	-685.58	-749.84	122.45	133.68
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	875.95	934.13	1,038.94	120.27	187.32
3.	Akaun Deposit	218.46	260.52	226.05	274.76	304.96
BAKI PADA 31 DISEMBER		476.13	509.07	515.15	517.48	625.96

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

4.6.2.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 70) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, Terimaan Balik Pinjaman daripada Agensi Negeri dan Sewa Beli Rumah Awam Kos Rendah. Manakala terdapat juga sumber kewangan daripada Kerajaan Persekutuan iaitu Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup dan Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II. Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan Kerajaan Negeri pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.24**.

JADUAL 4.24
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN TAHUN 2016 BERBANDING 2015

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2015	2016	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-932.26	-1,027.57	-95.31	-10.2
Terimaan	64.91	164.06	99.15	152.7
Bayaran	160.22	195.06	34.84	21.7
Defisit	-95.31	-31.00	64.31	67.5
BAKI PADA 31 DISEMBER	-1,027.57	-1,058.57	-31.00	3.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

- b. Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2016 meningkat sejumlah RM99.15 juta atau 152.7% menjadi RM164.06 juta berbanding RM64.91 juta pada tahun 2015. Punca utama kepada peningkatan ini adalah disebabkan terimaan daripada Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM115 juta. Selain itu, terimaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2016 terdiri dari Terimaan Balik Pinjaman berjumlah RM19.84 juta, Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM24.41 juta dan Sewa Beli Rumah Awam Kos Rendah berjumlah RM4.82 juta. Kerajaan Negeri bagaimanapun tidak menerima Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II daripada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2016.
- c. Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2016 meningkat sejumlah RM34.84 juta atau 21.7% menjadi RM195.06 juta berbanding RM160.22 juta pada tahun 2015. Perbelanjaan ketara melibatkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan Kerja Raya untuk melaksanakan Projek Jalan dan Jambatan, Naik Taraf Jalan Negeri/Projek-projek Jalan Negeri dan Pembangunan Kemudahan Sukan. Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun semasa adalah termasuk pembayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek pembangunan Negeri berjumlah RM26.91 juta.
- d. **Baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan meningkat pada tahun 2016 iaitu sejumlah RM31 juta atau 3% menjadi RM1,058.57 juta berbanding RM1,027.57 juta pada tahun 2015. Baki defisit ini meningkat walaupun terimaan semasa meningkat dengan ketara berbanding terimaan tahun 2015.** Ini disebabkan perbelanjaan semasa berjumlah RM195.06 juta melebihi terimaan semasa berjumlah RM164.06 juta.

4.6.2.2. Kumpulan Wang Bekalan Air

- a. Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Seksyen 3(1), Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Akta 230). Tujuan penubuhannya adalah untuk membiayai perbelanjaan pengurusan bekalan air, pembayaran balik pinjaman dan perbelanjaan pembangunan bekalan air sama ada bayaran secara langsung atau secara pinjaman. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Jabatan Bekalan Air Negeri Kedah telah dikorporatkan pada bulan Januari 2010 dan menjadi entiti yang berasingan daripada Kerajaan Negeri. Perbelanjaan yang diperakaunkan di dalam Kumpulan Wang Bekalan Air adalah merupakan bayaran penyelesaian bagi projek-projek pembangunan yang dilaksanakan sebelum pengkorporatan serta projek-projek yang dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan yang dibuat melalui Kerajaan Negeri. Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air Kerajaan Negeri pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.25**.

JADUAL 4.25
KUMPULAN WANG BEKALAN AIR TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

PERKARA	TAHUN		PERUBAHAN	
	2015	2016	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	88.99	87.64	-1.35	-1.5
Terimaan	29.79	85.30	55.51	186.3
Bayaran	31.14	56.29	25.15	80.8
Surplus/Defisit	-1.35	29.01	30.36	2,248.9
BAKI PADA 31 DISEMBER	87.64	116.65	29.01	33.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

- b. Terimaan semasa mengalami peningkatan ketara iaitu meningkat sejumlah RM55.51 juta atau 186.3% menjadi RM85.30 juta berbanding RM29.79 juta pada tahun 2015. Punca peningkatan adalah disebabkan Kumpulan Wang ini menerima pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM85.30 juta. Manakala perbelanjaan pembangunan projek bekalan air di Kumpulan Wang Bekalan Air berjumlah RM56.29 juta, meningkat sejumlah RM25.15 juta atau 80.8% berbanding perbelanjaan tahun 2015 berjumlah RM31.14 juta.
- c. Walaupun perbelanjaan Kumpulan Wang Bekalan Air meningkat pada tahun 2016, peningkatan ketara jumlah terimaan semasa melebihi perbelanjaan semasa telah menyebabkan Kumpulan Wang ini mencatatkan surplus berjumlah RM29.01 juta berbanding defisit RM1.35 juta pada tahun 2015. Surplus ini menyebabkan baki Kumpulan Wang Bekalan Air pada

tahun 2016 meningkat kepada RM116.65 juta atau 33.1 % berbanding RM87.64 juta pada tahun 2015.

4.6.2.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman dan Pelbagai Kumpulan Wang. Pada akhir tahun 2016, baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM13.22 juta atau 1.2% kepada RM1,075.60 juta berbanding RM1,062.38 juta pada tahun 2015. Peningkatan disebabkan pertambahan baki akaun Pelbagai Kumpulan Wang sejumlah RM13.56 juta kepada RM925.89 juta berbanding RM912.33 juta pada tahun 2015. Kedudukan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2016 berbanding 2015 adalah seperti di **Jadual 4.26**.

JADUAL 4.26
KEDUDUKAN PELBAGAI
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN TAHUN 2016 BERBANDING 2015

BIL.	PERIHAL	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	145.51	144.94	-0.57	-0.4
2.	Akaun Perniagaan	0.97	1.26	0.29	29.9
3.	Akaun Pinjaman	3.57	3.51	-0.06	-1.7
4.	Pelbagai Kumpulan Wang	912.33	925.89	13.56	1.5
JUMLAH		1,062.38	1,075.60	13.22	1.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

a. Akaun Penyelesaian - Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan

Akaun Pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan meningkat sejumlah RM26 juta kepada RM106 juta berbanding RM80 juta pada tahun 2015. Pada tahun 2016, Kementerian Kewangan telah menyalurkan pendahuluan berjumlah RM50 juta bagi menampung aliran tunai Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menjelaskan pendahuluan ini berdasarkan Jadual Bayaran Balik Pendahuluan seperti berikut:

- i. Secara *offset* dengan Pemberian di bawah Senarai Bersama sejumlah RM10 juta (Tahun 2016 hingga 2018).
- ii. Secara *offset* dengan Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk sejumlah RM5 juta (Tahun 2017 hingga 2018).
- iii. Secara tunai sejumlah RM5 juta (Tahun 2017 hingga 2018).

- Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri telah menjelaskan kedua-dua pendahuluan tersebut secara offset dengan Pemberian Mengikut Bilangan Penduduk sejumlah RM14 juta dan Pemberian Bayaran Bagi Membayar Separuh Kos Perbelanjaan Pengurusan (50%) bagi Jabatan Negeri di bawah Senarai Bersama sejumlah RM10 juta.

b. Akaun Penyelesaian - Akaun Penyelesaian Cek Terbatal

Akaun Penyelesaian Cek Terbatal menunjukkan penurunan sejumlah RM14.61 juta atau 34.5% kepada RM27.75 juta pada tahun 2016 berbanding RM42.36 juta pada tahun 2015. Pembatalan cek terbatal yang ketara adalah berkaitan bayaran interim penyelenggaraan Jalan Negeri berjumlah RM16.62 juta kepada BDB Infra Sdn Bhd..

c. Pelbagai Kumpulan Wang - Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

- Pada tahun 2016, baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri berjumlah RM905.88 juta berbanding RM892.33 juta pada tahun 2015. Pertambahan sejumlah RM13.55 juta ini adalah disebabkan pemberian Kerajaan Persekutuan berjumlah RM397.63 juta manakala perbelanjaan berjumlah RM384.08 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.27**.

JADUAL 4.27
KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2015	2016	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	872.39	892.33	19.94	2.3
Terimaan	194.70	397.63	202.93	104.2
Bayaran	174.76	384.08	209.32	119.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	892.33	905.88	13.55	1.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

- Berdasarkan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS), panjang jalan-jalan negeri di Negeri Kedah pada penghujung tahun 2016 adalah sepanjang 13,385.60 kilometer bertambah 1,606.30 kilometer berbanding 11,779.30 kilometer pada tahun 2015.
- Sehingga akhir tahun 2016, perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri berjumlah RM384.08 juta. Prestasi

perbelanjaan bagi tahun 2012 hingga tahun 2016 adalah di antara 51.9% hingga 96.7% berbanding terimaan geran daripada Kerajaan Persekutuan seperti di **Jadual 4.28**.

JADUAL 4.28
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI	TERIMAAN DARIPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN	PERBELANJAAN SEMASA	BAKI PADA 31 DISEMBER	PENGUNAAN
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
2012	733.49	158.41	82.26	809.64	51.9
2013	809.64	174.99	123.36	861.27	70.5
2014	861.27	179.64	168.52	872.39	93.8
2015	872.39	194.70	174.76	892.33	89.8
2016	892.33	397.63	384.08	905.88	96.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

4.6.3. Kumpulan Wang Amanah Awam

4.6.3.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan sumbangan wang daripada orang perseorangan dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri dan tidak boleh terlebih dikeluarkan. Baki bagi 44 akaun melibatkan sembilan (9) Pegawai Pengawal di Kumpulan Wang Amanah Awam pada akhir tahun 2016 adalah berjumlah RM187.31 juta berbanding RM120.27 juta pada akhir tahun 2015 iaitu bertambah sejumlah RM67.04 juta atau 55.7% seperti di **Jadual 4.29**. Peningkatan adalah berpunca daripada pertambahan terimaan Akaun Amanah Projek/Program Khas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman berjumlah RM62.66 juta kepada RM92.55 juta pada tahun 2016 berbanding RM29.89 juta pada tahun 2015. Terimaan daripada Kerajaan Persekutuan antaranya bertujuan bagi membiayai kos pengambilan tanah Projek Kedah Rubber City berjumlah RM60 juta dan Projek Pembinaan Jalan Pantai Chenang berjumlah RM11.04 juta. Sebanyak 19 akaun meningkat sejumlah RM159.27 juta dan 13 akaun mengalami penurunan sejumlah RM24.29 juta. Manakala baki 12 akaun melibatkan satu (1) akaun baru ditubuhkan, lapan (8) akaun tidak aktif/tidak berubah dan tiga (3) akaun ditutup.

JADUAL 4.29
BAKI KUMPULAN WANG AMANAH AWAM
MENGIKUT JABATAN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	JABATAN/PEGAWAI PENGAWAL	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	54.11	120.52	66.41	122.7
2.	Pejabat KDYMM Sultan Kedah Darul Aman	1.15	1.27	0.12	10.4
3.	Jabatan Perhutanan Negeri	14.63	16.83	2.20	15.0
4.	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	1.87	2.29	0.42	22.5
5.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	0.19	0.21	0.02	10.5
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	0.06	1.57	1.51	2,516.7
7.	Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri	43.80	40.34	-3.46	-7.9
8.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	4.17	4.00	-0.17	-4.1
9.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah	0.29	0.28	-0.01	-3.4
BAKI PADA 31 DISEMBER		120.27	187.31	67.04	55.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

4.6.3.2. Hanya satu (1) akaun Amanah Awam baru ditubuhkan pada tahun 2016 iaitu Akaun Amanah Sumbangan Majlis Rasmi Negeri. Tujuan penubuhan akaun amanah ini adalah memperakaunkan semua terimaan dan perbelanjaan berkaitan dengan majlis rasmi Negeri. Sumbangan yang diterima pada tahun 2016 berjumlah RM79,250.00 dan masih belum dibelanjakan sehingga 31 Disember 2016. Pegawai Pengawal bagi akaun ini ialah YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.

4.6.3.3. Pada tahun 2016, sebanyak tiga (3) Akaun Amanah yang tidak aktif atau telah mencapai tujuan berbaki RM10.70 juta telah ditutup. Baki tersebut telah dikreditkan ke akaun Hasil. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 4.30**.

JADUAL 4.30
AKAUN AMANAH YANG DITUTUP PADA TAHUN 2016

BIL.	AKAUN AMANAH	BAKI DIPINDAHKAN KE HASIL (RM Juta)
1.	Dana Pusingan Projek-Projek Pembangunan	10.00
2.	Akaun Amanah Dana Pembinaan Istana Kedah Di Bukit Malut	0.00
3.	Akaun Amanah Penyelesaian Kes-kes Mahkamah	0.70
JUMLAH		10.70

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016

4.6.3.4. Perenggan 5(a) Surat Pekeliling Perpendaharaan (SPP) Bil. 18/2001 menetapkan akaun yang tidak aktif bagi tempoh satu (1) tahun atau tidak diperlukan atau telah mencapai objektif atau tempoh ditetapkan perlu ditutup. Bagaimanapun, sebanyak lima (5) Akaun Amanah berjumlah RM2.72 juta yang tidak aktif kerana tiada urus niaga dicatatkan sejak tahun 2012 masih belum ditutup seperti di **Jadual 4.31**.

tidak aktif kerana tiada urus niaga dicatatkan sejak tahun 2012 masih belum ditutup seperti di **Jadual 4.31**.

JADUAL 4.31
BAKI AKAUN AMANAH TIDAK AKTIF DAN TELAH MENCAPAI TUJUAN TAHUN 2016

BIL.	AKAUN AMANAH	BAKI AKAUN (RM JUTA)
1.	Akaun Amanah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT)	2.21
2.	Tabung Amanah Hari Kebangsaan Negeri Kedah	0.23
3.	Akaun Amanah Program Latihan Khidmat Negara	0.04
4.	Akaun Amanah Rayuan Hari Pahlawan	0.00
5.	Akaun Amanah IMT-GT Liaison Secretariat	0.24
JUMLAH		2.72

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016

4.6.3.5. Akaun Amanah State Secretary Incorporated (SSI)

- a. Tujuan penubuhan Akaun Amanah SSI adalah untuk melaksanakan aktiviti, acara dan program berkaitan kemasyarakatan. Mengikut Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, baki akaun ini pada tahun 2016 bertambah sejumlah RM0.56 juta atau 8.4% kepada RM7.19 juta berbanding RM6.63 juta pada tahun 2015 seperti di **Jadual 4.32**.

JADUAL 4.32
BAKI AKAUN AMANAH SSI TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2015	2016	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	11.63	6.63	-5.00	-43.0
Terimaan	1.80	2.14	0.34	18.9
Bayaran	6.80	1.58	-5.22	-76.8
BAKI PADA 31 DISEMBER	6.63	7.19	0.56	8.4

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Tahun 2015 dan 2016

- b. Terimaan pada tahun 2016 meningkat sejumlah RM0.34 juta atau 18.9% menjadi RM2.14 juta berbanding RM1.80 juta pada tahun 2015. Bayaran pada tahun 2016 berjumlah RM1.58 juta menurun sejumlah RM5.22 juta atau 76.8% berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM6.80 juta. Sumber terimaan paling tinggi adalah daripada dividen saham Petronas Dagangan Berhad dan Malaysia Airport Holdings Berhad masing-masing berjumlah RM0.83 juta dan RM0.32 juta serta tunggakan bayaran sewa Rumah Penginapan Negeri berjumlah RM0.70 juta.
- c. Tiada hasil jualan balak diterima pada tahun 2016 kerana berdasarkan keputusan mesyuarat Jawatankuasa SSI Bil. 4/2015, baki premium hutan berjumlah RM1.89 juta perlu dibayar secara ansuran oleh syarikat

pembalakan bagi pihak SSI kepada Jabatan Perhutanan. Pada tahun 2016, sejumlah RM0.80 juta bayaran Premium telah dibayar kepada Jabatan Perhutanan oleh syarikat pembalakan tersebut.

- d. Pada tahun 2016, SSI menerima bayaran tunggakan sewa Rumah Penginapan Negeri (The Lanai Langkawi Beach Resort) yang berjumlah RM0.70 juta. Tunggakan tersebut adalah bagi sewaan bulan Julai 2015 hingga April 2016. Bagaimanapun sewa bagi bulan Mei hingga Disember 2016 berjumlah RM0.56 juta belum diterima kerana pihak syarikat pengurusan Rumah Penginapan Negeri masih dalam perbincangan dengan SSI berkaitan pengecualian bayaran sewa dan pelanjutan tempoh pengurusan premis dari 20 tahun kepada 40 tahun. Selain itu, bayaran 10% *Gross Operating Profit* (GOP) bagi tahun 2012 berjumlah RM42,916 daripada pengusaha terdahulu masih belum diterima.
- e. State Secretary Incorporated telah bersetuju menjalankan usahasama bersama *Government Linked Companies* (GLC) dan syarikat swasta untuk menjalankan Projek Pembangunan Aman Laut pada tahun 2016 yang bertujuan untuk memajukan pembangunan ekonomi Negeri dengan menebus guna dan menambun tanah laut tepi pantai di kawasan Kuala Kedah. Melalui kerjasama ini, SSI telah menerima sejumlah RM0.25 juta sebagai deposit. Mengikut perjanjian, SSI akan menerima 10% daripada keuntungan projek selepas ditolak kos pembangunan dan cukai yang perlu dibayar atau keuntungan minimum berjumlah RM9.0 juta.

4.6.4. Akaun Deposit

4.6.4.1. Akaun Deposit merupakan wang yang diterima bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau mengikut perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Pada akhir tahun 2016, Kerajaan Negeri mempunyai 14 Akaun Deposit yang diselenggara oleh 27 Jabatan/Pejabat. Baki Deposit pada tahun 2016 telah meningkat sejumlah RM30.20 juta atau 11% menjadi RM304.96 juta berbanding tahun 2015 berjumlah RM274.76 juta. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit berkenaan masih tidak dituntut selepas 3 bulan diwartakan, ia hendaklah dikreditkan ke akaun Terimaan Bukan Hasil Wang Tidak Dituntut. Pada tahun 2016, Deposit Tanah, Tender dan Royalti Kayu Kayan berjumlah RM5.25 juta yang tidak dituntut selepas tiga (3) bulan diwartakan telah dikredit ke akaun Terimaan Bukan Hasil Wang Tidak Dituntut. Manakala lapan (8) Akaun Deposits yang berbaki RM165.31 juta masih tidak dituntut melibatkan pendeposit bagi tahun 1960 hingga 2014 seperti di **Jadual 4.33**. Deposit yang boleh

dikembalikan tetapi masih tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah diambil tindakan pewartaan.

**JADUAL 4.33
DEPOSIT TIDAK DITUNTUT TAHUN 1960 HINGGA 2015**

BIL.	JENIS DEPOSIT	TAHUN TIDAK DITUNTUT	BAKI DEPOSIT (RM Juta)
1.	Deposit Am	1984-2015	2.77
2.	Deposit Tender	1974-2015	35.25
3.	Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	1999-2015	9.39
4.	Deposit Tanah	1966-2015	110.56
5.	Deposit Bon Jaminan Mahkamah Syariah	1978-2015	0.71
6.	Deposit Sewa Rumah Kos Rendah	1965-2015	2.54
7.	Deposit Royalti Kayu Hutan	1998-2015	2.51
8.	Deposit Galian	1960-2015	1.58
JUMLAH			165.31

Sumber: Pusat Tanggungjawab

4.6.4.2. Penyata Deposit sehingga 31 Disember 2016 berjumlah RM60.52 juta bagi enam (6) Jabatan/Pejabat tidak disokong oleh senarai baki perseorangan antaranya melibatkan Deposit Cagaran Bekalan Air Syarikat Air Darulaman (SADA) berjumlah RM44.51 juta seperti di **Jadual 4.34**.

**JADUAL 4.34
SENARAI BAKI PERSEORANGAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2016 TIDAK DIKEMUKAKAN**

BIL.	PERIHAL	(RM)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan - Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	2,964,864.82
2.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian - Deposit Tanah	9,100,917.14
3.	Pejabat Tanah Kuala Muda - Deposit Am Jabatan Negeri	1,000.00
4.	Pejabat Perbendaharaan Negeri Kedah - Deposit Sewa Bangunan Kediaman - Deposit Tender - Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (SADA) - Deposit Cagaran Bekalan Air (SADA) - Deposit Ujian Meter (SADA)	600.00 2,190.00 3,533,981.65 44,511,180.73 16,149.20
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran - Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	304,892.79
6.	Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena - Deposit Tanah	86,954.29
JUMLAH		60,522,730.62

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2016

4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman Dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah. Pada tahun 2016, prestasi kewangan Kerajaan Negeri mencatatkan defisit berjumlah RM310.63 juta meningkat sejumlah RM21.91 juta atau 7.6% berbanding defisit RM288.72 juta pada tahun 2015. Hasil Kerajaan Negeri berjumlah RM601.63 juta pada tahun 2016 manakala perbelanjaan mengurus dan pembangunan berjumlah RM912.26 juta. Hasil Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM190.58 juta atau 46.4% menjadi RM601.63 juta pada tahun 2016 berbanding RM411.05 juta pada tahun 2015. Perbelanjaan mengurus berjumlah RM660.91 juta, meningkat sejumlah RM152.50 juta atau 30% berbanding RM508.41 juta pada tahun 2015 manakala perbelanjaan pembangunan mencatatkan peningkatan sejumlah RM59.99 juta atau 31.3% menjadi RM251.35 juta berbanding RM191.36 juta pada tahun 2015. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2016 dan 2015 adalah seperti di **Jadual 4.35**.

JADUAL 4.35
KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2015	2016	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil	411.05	601.63	190.58	46.4
Perbelanjaan Mengurus	508.41	660.91	152.50	30.0
Perbelanjaan Pembangunan	191.36	251.35	59.99	31.3
KURANGAN KESELURUHAN	-288.72	-310.63	-21.91	7.6
Kurangan Dibayai Oleh:				
Pinjaman Dalam Negeri	20.00	63.37	43.37	216.9
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	111.55	177.50	65.95	59.1
Perubahan Tunai, Pelaburan Dan Amanah	157.17	69.76	-87.41	-55.6
JUMLAH PEMBIAYAAN	288.72	310.63	21.91	7.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

4.8. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala Penyata Akaun Memorandum Liabiliti menunjukkan kedudukan Hutang Awam dan Pelbagai Liabiliti.

4.8.1. Memorandum Aset

4.8.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut

- a. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sumber pinjaman ini diperolehi oleh Kerajaan Negeri menerusi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Sehingga tahun 2016, agensi Negeri yang menerima pinjaman daripada Kerajaan Negeri adalah Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK). Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sejumlah RM19.83 juta atau 6.3% iaitu daripada RM314.32 juta pada tahun 2015 kepada RM294.49 juta pada tahun 2016 seperti di **Jadual 4.36**.

JADUAL 4.36
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
KERAJAAN NEGERI TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

AGENSI	TAHUN		PERUBAHAN	
	2015	2016	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PKNK	314.32	294.49	-19.83	-6.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

- b. Baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2012 hingga tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 4.37**.

JADUAL 4.37
BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016

AGENSI	TAHUN				
	2012	2013	2014	2015	2016
	(RM Juta)				
PKNK	354.29	347.34	332.33	314.32	294.49

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

c. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi

Pada 31 Disember 2016, baki tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi berjumlah RM73.78 juta menurun sejumlah RM5.39 juta atau 7.9% berbanding RM68.39 juta pada tahun 2015 seperti di **Jadual 4.38**. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah sepatutnya membayar balik ansuran pinjaman kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM97.75 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM29.36 juta dan tunggakan tahun 2015 berjumlah RM68.39 juta. Bagaimanapun, hanya RM23.97 juta bayaran balik bagi pokok dan faedah telah diterima pada tahun 2016. Kedudukan tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Agensi kepada Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 4.39**.

JADUAL 4.38
BAKI TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN AGENSI
KEPADA KERAJAAN NEGERI TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BUTIRAN PINJAMAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2015	2016	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
PKNK	68.39	73.78	5.39	7.9

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

JADUAL 4.39
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN AGENSI BAGI TAHUN 2016

AGENSI	BAKI PADA 1 JANUARI	ANUITI TAHUN SEMASA	JUMLAH PATUT DIJELASKAN	JUMLAH TELAH DIJELASKAN	BAKI PADA 31 DISEMBER
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
PKNK	68.39	29.36	97.75	23.97	73.78

Sumber: Rekod Perbendaharaan Negeri Dan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Tahun 2016

4.8.1.2. Pelaburan

- a. Pada akhir tahun 2016, Kerajaan Negeri mempunyai saham dalam lima (5) syarikat berjumlah RM15.60 juta berbanding RM12.10 juta pada tahun 2015. Pertambahan adalah disebabkan pelaburan sejumlah RM3.50 juta dalam Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd. Tiada dividen dan pulangan diterima pada tahun 2016 bagi kesemua pelaburan. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 seperti di **Jadual 4.40**.

JADUAL 4.40
KEDUDUKAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	SYARIKAT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Permodalan Kedah Berhad	2.50	2.50	0.00	0.0
2.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia	1.50	1.50	0.00	0.0
3.	Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd.	0.50	0.50	0.00	0.0
4.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	0.60	0.60	0.00	0.0
5.	Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd.	7.00	10.50	3.50	50.0
JUMLAH		12.10	15.60	3.50	28.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

- b. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 hingga tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 4.41**.

JADUAL 4.41
KEDUDUKAN PELABURAN SAHAM BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016

BIL.	SYARIKAT	TAHUN				
		2012	2013	2014	2015	2016
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Kedah Aquaculture Sdn.Bhd.	5.20	5.20	0.00	0.00	0.00
2.	Permodalan Kedah Berhad	2.50	2.50	2.50	2.50	2.50
3.	Rangkaian Hotel Seri Malaysia	0.00	0.00	1.50	1.50	1.50
4.	Institut Pengurusan dan Integriti Negeri Kedah Sdn. Bhd.	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
5.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	0.50	0.50	0.60	0.60	0.60
6.	Kolej Universiti Insaniah Sdn. Bhd.	0.25	0.25	0.25	7.00	10.50
JUMLAH		8.95	8.95	5.35	12.10	15.60

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

4.8.2. Memorandum Liabiliti

4.8.2.1. Hutang Awam

- a. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada akhir tahun 2016, baki hutang awam berjumlah RM2.39 bilion meningkat sejumlah RM36.46 juta atau 1.5%. Peningkatan ini adalah disebabkan terimaan melibatkan Pinjaman Bekalan Air oleh Kerajaan Persekutuan berjumlah RM63.38 juta. Bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2016 berjumlah RM26.91 juta (bayaran pokok). Manakala, pindahan baki hutang bekalan air kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAAB) berjumlah RM1,729.16 juta masih dalam peringkat rundingan. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.42**. Hutang Awam Kerajaan Negeri bagi tempoh lima (5) tahun iaitu bagi tahun 2012 hingga 2016 adalah seperti di **Jadual 4.43**.

JADUAL 4.42
KEDUDUKAN BAKI HUTANG AWAM
KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	1,729.16	1,792.54	63.38	3.7
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	152.55	151.61	-0.94	-0.6
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	349.43	324.83	-24.60	-7.0
4.	Pelbagai	128.77	127.39	-1.38	-1.1
JUMLAH		2,359.91	2,396.37	36.46	1.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

JADUAL 4.43
HUTANG AWAM KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	TAHUN				
		2012	2013	2014	2015	2016
		(RM Juta)				
1.	Rancangan Bekalan Air	1,943.14	1,956.14	1,981.14	1,729.16	1,792.54
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	152.62	152.55	152.55	152.55	151.61
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	363.55	356.64	349.43	349.43	324.83
4.	Pelbagai	144.13	135.77	128.77	128.77	127.39
JUMLAH		2,603.44	2,601.10	2,611.89	2,359.91	2,396.37

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

- b. Tunggakan bayaran balik terkumpul yang perlu dijelaskan sehingga 31 Disember 2016 berjumlah RM1.02 bilion. Analisis perbandingan baki tunggakan hutang awam bagi tahun 2012 hingga 2016 menunjukkan peningkatan pada hampir setiap tahun. Kedudukan baki tunggakan hutang awam bagi tahun 2012 hingga tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 4.44** di mana baki tahun 2014 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun.

JADUAL 4.44
TUNGGAKAN HUTANG AWAM BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	TAHUN				
		2012	2013	2014	2015	2016
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Rancangan Bekalan Air	613.22	697.70	787.67	691.74	763.45
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	53.14	60.08	66.84	73.85	79.04
3.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	229.97	240.38	190.38	112.07	107.68
4.	Pelbagai	59.22	59.13	58.57	67.92	74.10
JUMLAH		955.55	1,057.29	1,103.46	945.58	1,024.27

Sumber: Perbendaharaan Negeri

4.8.2.2. Pelbagai Liabiliti

Mengikut Penyata Kewangan, Pelbagai Liabiliti Kerajaan Negeri adalah merupakan kos bagi pembiayaan Projek Pembinaan Kampus Tetap Kolej Universiti Insaniah di Kuala Ketil secara bayaran tertangguh berjumlah RM534.09 juta. Tempoh bayaran balik adalah selama 15 tahun iaitu mulai bulan Mac 2013 sehingga Disember 2024. Baki pada 31 Disember 2016 adalah berjumlah RM367.19 juta berbanding RM411.70 juta pada tahun 2015. Pengurangan sejumlah RM44.51 juta atau 10.8% merupakan bayaran balik kepada BDB Synergy Sdn. Bhd pada tahun 2016. Bayaran ini adalah bayaran terakhir kepada BDB Synergy Sdn. Bhd. kerana Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk menyelesaikan keseluruhan baki pembiayaan kepada BDB Synergy Sdn. Bhd. secara pinjaman kepada Kerajaan Negeri. Susulan daripada itu, Kerajaan Negeri telah memeterai perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan

projek pembinaan kampus tetap KUIN yang melibatkan pinjaman pokok berjumlah RM266 juta. Tempoh pembiayaan adalah selama 20 tahun dan bayaran balik pinjaman akan bermula pada tahun 2020.

4.9. AKAUN BELUM TERIMA

4.9.1. Pada akhir tahun 2016, Akaun Belum Terima berjumlah RM214.38 juta iaitu bertambah sejumlah RM34.81 juta atau 19.4% berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM179.57 juta. Punca utama peningkatan adalah disebabkan tunggakan hasil Pejabat Tanah meningkat sejumlah RM43.52 juta atau 71.8%, tunggakan hasil daripada Perbadanan Menteri Besar Kedah bagi penjualan saham Kedah Aquaculture sejumlah RM12 juta atau 100% dan tunggakan hasil Pentadbir Daerah berjumlah RM1.52 juta atau 100%. Manakala tunggakan sewa rumah awam oleh SUK Bahagian Perumahan menurun dengan ketara sejumlah RM22.22 juta atau 44.5%. Baki Akaun Belum Terima pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.45**. Manakala Akaun Belum Terima bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Jadual 4.46**.

**JADUAL 4.45
BAKI AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)
				(RM Juta)	(%)
1.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (Jabatan Bekalan Air)	68.88	68.88	0.00	0.0
2.	Pejabat Tanah	60.65	104.17	43.52	71.8
3.	SUK Bahagian Perumahan	49.92	27.70	-22.22	-44.5
4.	JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	0.12	0.11	-0.01	-8.3
5.	Perbadanan Menteri Besar Kedah	0.00	12.00	12.00	100.0
6.	Pentadbir Daerah	0.00	1.52	1.52	100.0
JUMLAH		179.57	214.38	34.81	19.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 dan 2016

JADUAL 4.46
AKAUN BELUM TERIMA BAGI TAHUN 2012 HINGGA TAHUN 2016

BIL.	JABATAN/PEJABAT	TAHUN				
		2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)
1.	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (Jabatan Bekalan Air)	68.88	68.88	68.88	68.88	68.88
2.	Pejabat Tanah	60.86	73.37	73.04	60.65	104.17
3.	SUK Bahagian Perumahan	23.92	25.17	25.67	49.92	27.70
4.	JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal	0.23	0.17	0.15	0.12	0.11
5.	Perbadanan Menteri Besar Kedah	24.00	12.00	12.00	0.00	12.00
6.	Pentadbir Daerah	0.00	0.00	0.00	0.00	1.52
JUMLAH		177.89	179.59	179.74	179.57	214.38

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2012 hingga 2016

4.9.2. Tunggakan hasil Pejabat Tanah telah mencatatkan peningkatan tertinggi sejumlah RM43.52 juta atau 71.8% kepada RM104.67 juta berbanding RM60.65 juta pada tahun 2015. Pejabat Tanah Kuala Muda, Pejabat Tanah Kulim, Pejabat Tanah Kubang Pasu dan Pejabat Tanah Kota Setar mencatatkan jumlah tunggakan yang tinggi iaitu masing-masing berjumlah RM39.60 juta, RM19.97 juta, RM13.44 juta dan RM11.99 juta. Jumlah tunggakan yang tinggi ini adalah disebabkan pelarasan jumlah Akaun Belum Terima yang terkurang nyata pada tahun 2015 dan semakan kadar Cukai Tanah mengikut Aturan 15, Aturan Tanah Kedah 1966 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2016.

4.9.3. Tunggakan hasil sewa rumah awam oleh SUK Bahagian Perumahan mencatat penurunan ketara sejumlah RM22.22 juta atau 44.5% kepada RM27.70 juta berbanding RM49.92 juta pada tahun 2015. Penurunan ini adalah disebabkan tunggakan hasil sewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) berjumlah RM25.14 juta yang tidak diambilkira dalam tahun semasa. Tunggakan hasil sewa rumah PPR yang tidak diambilkira ini adalah disebabkan tunggakan tinggi dari PPR Paya Nahu 2 berjumlah RM11.62 juta, PPR Paya Nahu berjumlah RM9.86 juta, Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR) Taman Wira Mergong berjumlah RM5.21 juta dan PAKR Flat Simpang Kuala 2 dan 3 berjumlah RM3.09 juta.

4.9.4. Tunggakan hasil jualan saham Kedah Aquaculture berjumlah RM12 juta oleh Perbadanan Menteri Besar Kedah tidak dinyatakan di Akaun Belum Terima pada tahun 2015. Bagaimanapun tunggakan tersebut telah diambilkira semula sebagai Akaun Belum Terima pada tahun 2016.

4.9.5. Caj air mentah bagi loji-loji air negeri Kedah yang perlu dibayar oleh Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. tahun 2012 dan 2013 berjumlah RM27.72 juta serta bulan September 2015 berjumlah RM1.12 juta belum diambilkira sebagai tunggakan hasil Kerajaan Negeri.

4.9.6. Tunggakan hasil Pentadbir Daerah berjumlah RM1.52 juta antaranya disebabkan oleh tunggakan cukai hiburan oleh Pejabat Daerah Langkawi bagi cukai hiburan Underwater World Langkawi berjumlah RM1.51 juta.

4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.10.1. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada tahun 2016 adalah memuaskan.

- Baki Kumpulan Wang Disatukan menunjukkan peningkatan sejumlah RM27.28 juta atau 62.8% kepada RM70.69 juta berbanding RM43.41 juta pada tahun 2015;
- Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit tahun semasa berjumlah RM59.28 juta kerana hasil diterima berjumlah RM601.63 juta tidak dapat menampung perbelanjaan berjumlah RM660.91 juta;
- Baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM497.93 juta pada tahun 2015 telah meningkat sejumlah RM59.28 juta atau 11.9% menjadi RM557.21 juta pada tahun 2016;
- Baki Akaun Belum Terima juga menunjukkan peningkatan sejumlah RM34.81 juta kepada RM214.38 juta;
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan penurunan sejumlah RM19.83 juta kepada RM294.49 juta manakala tunggakan bayaran balik pinjaman Agensi sejumlah RM73.78 juta; dan
- Baki Hutang Awam Kerajaan Negeri masih tinggi iaitu berjumlah RM2.39 bilion.

4.10.2. Kerajaan Negeri perlu mempertingkat dan memperkuatkannya lagi prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus semasa.

- Hasil daripada pelbagai sumber termasuk hasil bumi, pertanian, perindustrian dan perkhidmatan perlu dikenal pasti dan ditambah baik;
- Kutipan hasil Kerajaan Negeri perlu dipertingkatkan dengan pelaksanaan sistem kutipan dan penguatkuasaan yang berkesan;
- Tindakan yang lebih gigih perlu diambil untuk memastikan tunggakan hasil dikutip dengan segera dan pinjaman dibayar oleh Agensi Negeri mengikut jadual yang ditetapkan;

- Kerajaan Negeri perlu juga mengekalkan perbelanjaan secara berhemat tanpa menjaskankan mutu perkhidmatan dan pembangunan Negeri Kedah; dan
- Tadbir Urus Tabung Akaun Amanah perlu dipertingkatkan dan perbelanjaan wang amanah perlu sejajar dengan objektif utama penubuhan tabung berkenaan.



BAHAGIAN III
RANCANGAN PEMBANGUNAN
KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-11

5.1. Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) Negeri Kedah untuk tempoh lima (5) tahun bermula pada tahun 2016. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Kedah. Ia adalah kesinambungan perancangan Kerajaan bagi membentuk sebuah negara yang maju dari segi ekonominya selain mempunyai pembangunan sosial yang seimbang, warga yang bersatu padu, berbudaya, berkekerti mulia, berkemahiran, berfikiran maju dan berpandangan jauh.

5.2. Bagi menjayakan RMKe-11 ini, anggaran siling peruntukan keseluruhan RMKe-11 diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2016 hingga 2020 berjumlah RM2.19 bilion. Daripada sembilan (9) Jabatan yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan projek pembangunan, Pejabat Perpendaharaan Negeri adalah penerima peruntukan tertinggi berjumlah RM1.12 bilion atau 51.1% yang terdiri daripada RM270 juta bagi projek pembangunan dan RM851.42 juta bagi projek bekalan air. Anggaran perbelanjaan bagi melaksanakan projek pembangunan di bawah RMKe-11 mengikut Jabatan yang diluluskan dalam Bajet 2016 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
PERUNTUKAN RMKE-11 BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2020

BIL.	JABATAN/PEJABAT	ANGGARAN RMKe-11 2016-2020 (RM Juta)
Pembangunan		
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	610.50
2.	Pejabat Perpendaharaan Negeri	270.00
3.	Jabatan Kerja Raya	283.73
4.	Jabatan Pertanian	32.35
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	23.90
6.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	74.35
7.	Jabatan Perhutanan	39.80
8.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian	5.00
JUMLAH		1,339.63
Bekalan Air		
9.	Pejabat Perpendaharaan Negeri	851.42
JUMLAH KESELURUHAN		2,191.05

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2016

5.3. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11 Tahun 2016

Pada tahun 2016, peruntukan yang diluluskan adalah berjumlah RM353.77 juta dan sejumlah RM251.35 juta atau 71% daripada jumlah peruntukan telah dibelanjakan oleh sembilan (9) Jabatan sehingga akhir tahun 2016. Pencapaian perbelanjaan pembangunan RMKe-11 pada tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 5.2**.

JADUAL 5.2
PRESTASI PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DI BAWAH RMKE-11 TAHUN 2016

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2016	PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2016	PENCAPAIAN
		(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Pembangunan				
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	122.10	93.61	76.7
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	54.00	41.49	76.8
3.	Jabatan Kerja Raya	51.75	42.10	81.4
4.	Jabatan Pertanian	6.47	5.12	79.1
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	4.78	1.14	23.8
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	14.87	9.97	67.1
7.	Jabatan Perhutanan	6.07	1.59	26.2
8.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	1.00	0.04	4.0
JUMLAH		261.04	195.06	74.7
Bekalan Air				
9.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	92.73	56.29	60.7
JUMLAH KESELURUHAN		353.77	251.35	71.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun 2016

5.4. Pencapaian Pelaksanaan Projek Untuk Tempoh RMKe-11

5.4.1. Pada tahun 2016, sebanyak 1,187 projek telah dirancang untuk dilaksanakan oleh sembilan (9) Jabatan/Pejabat. Pada keseluruhannya, sebanyak 1,077 projek telah siap dilaksanakan, 44 projek sedang dilaksana, 40 projek belum dimulakan dan 26 projek dibatalkan. Status pencapaian pelaksanaan projek sehingga akhir tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1**.

JADUAL 5.3
STATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK RMKE-11


BIL.	JABATAN/PEJABAT	STATUS PELAKSANAAN PROJEK				BIL. PROJEK
		SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	BELUM MULA *	BATAL/ TANGGUH	
Pembangunan						
1.	Pejabat Setiausaha Kerajaan	614	15	5	3	637
2.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	3	-	3	-	6
3.	Jabatan Kerja Raya	53	18	5	-	76
4.	Jabatan Pertanian	42	-	4	-	46
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	95	-	4	12	111
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	195	-	5	3	203

BIL.	JABATAN/PEJABAT	STATUS PELAKSANAAN PROJEK				BIL. PROJEK
		SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	BELUM MULA *	BATAL/ TANGGUH	
7.	Pejabat Perhutanan	73	7	7	8	95
8.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	2	-	-	-	2
JUMLAH		1,077	40	33	26	1,176
Bekalan Air						
9.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	-	4	7	-	11
JUMLAH KESELURUHAN		1,077	44	40	26	1,187

Sumber: Jabatan/Pejabat

Nota: * Termasuk Peruntukan Token RM10

CARTA 5.1
STATUS PENCAPAIAN PROJEK PEMBANGUNAN PROJEK RMKE-11



Sumber: Laporan Prestasi Pelaksanaan Projek RMKe-11 Jabatan/Pejabat Negeri

5.4.2. Sebanyak 44 projek sedang dilaksanakan masing-masing 15 projek di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan dan 18 projek di bawah Jabatan Kerja Raya, tujuh (7) projek di bawah Jabatan Perhutanan dan empat (4) projek bekalan air di bawah Pejabat Perbendaharaan Negeri. Projek yang sedang dilaksanakan di bawah seliaan JKR adalah Projek Menggantikan dua (2) Jambatan Di Jalan Datuk Kumbar, Titi Haji Idris dan Projek Menggantikan Jambatan Sempit Di Sungai Berok, Kampung Gajah Putih. Manakala projek di bawah seliaan Pejabat SUK antaranya Pembinaan Maahad Tahfiz Sains Darulaman dan Pembinaan Kompleks Pejabat Agama/Mahkamah Syariah Daerah Padang Terap. Manakala empat (4) projek bekalan air melibatkan Projek Bekalan Air Sik, Bekalan Air Pokok Sena, Menaik Taraf Loji Pembersihan Air Kulim Hi-Tech dan Kajian Bekalan Air Langkawi.

5.4.3. Sehingga akhir tahun 2016 terdapat 40 projek belum dimulakan. Sebanyak 23 projek pembangunan yang masih belum dimulakan diberi peruntukan token

RM10. Antara projek yang dirancang tetapi belum dimulakan adalah seperti di **Jadual 5.4**.

JADUAL 5.4
PROJEK BELUM MULA /DITANGGUH

BIL	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM Juta)	SEBAB BELUM DIMULAKAN/DITANGGUH
1.	Kerja-Kerja Awalan dan Kemudahan dan Kemudahan Jalan Melibatkan empat (4) Projek Kerja Ukur Di Jalan Kuala Sungai/ Kubang Rotan/ Seberang Kuala Kedah, Sekolah Jalan Perik/ Paya Terap, Jalan Masjid Lama Naka dan Persimpangan Barokhas/ Lubuk Perong	0.11	Kelulusan oleh Jawatankuasa Lantikan Perunding diperolehi pada 19 November 2016. Kerja-kerja akan dilaksanakan pada tahun 2017.
2.	Kerja Ukur Kejuruteraan Bagi Kajian Reka Bentuk Terperinci Kerja Tebatan Banjir dan Menaik Taraf Sistem Saliran Di Daerah Kulim	0.20	Telah dihantar kepada Lembaga Perolehan untuk pemilihan perunding dan keputusan belum diperolehi.
3.	Kolam Takungan Di Langkawi	0.20	Tidak mendapat kelulusan dari Pegawai Kewangan Negeri.
4.	Projek-projek Pembangunan Bekalan Air Di Wilayah Utara	5.05	Pelaksanaan projek tidak dapat dimulakan disebabkan masih belum mendapat kelulusan berbelanja daripada Kementerian Kewangan Malaysia kerana bajet adalah berdasarkan lebihan pinjaman Kerajaan Persekutuan pada RMK-9 yang lalu.
5.	Projek-projek Pembangunan Bekalan Air di Wilayah Tengah	1.65	
6.	Projek-projek Pembangunan Bekalan Air di Wilayah Selatan	2.17	
JUMLAH		9.38	

Sumber: Rekod Jabatan/Pejabat

5.4.4. Sebanyak 26 projek telah dibatalkan pada tahun 2016 melibatkan 12 projek di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar, tiga (3) projek di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran, lapan (8) Projek di bawah Jabatan Perhutanan dan tiga (3) projek di bawah Pejabat Setiausaha Kerajaan. Antara projek yang dibatalkan pada tahun semasa adalah Projek Pembinaan Bangunan Balai Pemeriksaan Hutan, Projek Peningkatan Sistem GIS, Projek Pemuliharaan dan Pembangunan Tanam Semula Kawasan Tanaman Makanan Ternakan, Projek Menaiktaraf dan Ubahsuai Pejabat, Kerja-kerja Pendawaian Semula Seluruh Bahagian dan Unit di Ibu Pejabat Veterinar dan Projek Hutan Bandar. Sebab-sebab projek dibatalkan antaranya kerana pembatalan sebutharga oleh Jawatankuasa Sebutharga, masalah teknikal dan tidak mendapat kelulusan berbelanja daripada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri.

5.5. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, prestasi perbelanjaan pembangunan adalah memuaskan di mana sejumlah RM251.35 juta atau 71% daripada RM353.77 juta peruntukan yang diluluskan pada tahun 2016 telah dibelanjakan. Selain itu, prestasi pelaksanaan projek adalah cemerlang di mana sebanyak 1,077 projek atau 90.7% daripada 1,187 projek telah disiapkan, 44 projek atau 3.7% sedang dilaksanakan. Hanya 40 projek atau 3.4% belum dimulakan manakala 26 projek atau 2.2% dibatalkan.

BAHAGIAN IV
PENYERAHAN, PENGESAHAN,
PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN
DAN PRESTASI KEWANGAN
AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

6. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pengauditan ini adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan piawaian yang diluluskan.

6.1. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

6.1.1. Bagi Negeri Kedah, Ketua Audit Negara mengaudit 11 BBN, MAIK dan 11 PBT. Pada tahun 2016, pengauditan terhadap tiga (3) BBN dan MAIK telah dijalankan sendiri oleh Jabatan Audit Negara manakala pengauditan terhadap lapan (8) BBN dan 11 PBT telah dijalankan oleh Firma Audit Swasta (FAS). Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

6.1.2. Pengauditan yang dijalankan oleh pihak FAS diselia dan dipantau oleh pegawai Jabatan Audit Negara. Pemantauan dibuat semasa pengauditan interim dan muktamad dilaksanakan oleh FAS. Kertas kerja pengauditan yang disediakan oleh FAS juga akan disemak oleh pegawai Jabatan Audit Negara. Bagi meningkatkan mutu pengauditan dan membantu pemantauan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh FAS, Jabatan Audit Negara telah mengeluarkan Prosedur Kualiti dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan BBN, MAIK dan PBT yang dikemas kini dan berkuat kuasa penggunaannya pada 1 Disember 2014. Selain itu, *Exit Conference* telah diadakan di antara FAS, Agensi Kerajaan dan Jabatan Audit Negara untuk membincangkan pelaksanaan Audit dan menyelesaikan masalah yang berbangkit hasil daripada pengauditan yang dijalankan.

6.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

6.2.1. Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Bil. 1 Tahun 2009 yang diadakan pada 20 April 2009 telah memutuskan supaya BBN, MAIK dan PBT mengemukakan Penyata Kewangan

kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit tidak lewat daripada 30 April tahun berikutnya.

6.2.2. Pada keseluruhannya, penyerahan dan penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2016 bagi 11 BBN, MAIK dan 11 PBT adalah memuaskan berbanding tahun 2015. Sebanyak 16 Agensi telah mengemukakan Penyata Kewangan tahun 2016 sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan. Sehingga 30 Jun 2017, sebanyak 19 Agensi telah menyerahkan penyata kewangan masing-masing kecuali tiga (3) BBN dan satu (1) PBT. Kedudukan penyerahan Penyata Kewangan Tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 6.1**.

JADUAL 6.1
KEDUDUKAN PENYERAHAN
PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TAHUN 2016 SEHINGGA 30 JUN 2017

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
Badan Berkanun Negeri		
1.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	17.03.2017
2.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	29.03.2017
3.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	03.04.2017
4.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	10.04.2017
5.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	12.04.2017
6.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	17.04.2017
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	03.05.2017
8.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	14.05.2017
9.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	Belum Terima
10.	Majlis Sukan Negeri Kedah	Belum Terima
11.	Yayasan Islam Negeri Kedah	Belum Terima
Majlis Agama Islam		
12.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	20.03.2017
Pihak Berkuasa Tempatan		
13.	Majlis Perbandaran Langkawi	02.02.2017
14.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	28.02.2017
15.	Majlis Daerah Sik	10.04.2017
16.	Majlis Daerah Yan	19.04.2017
17.	Majlis Daerah Bandar Baharu	20.04.2017
18.	Majlis Perbandaran Kulim	23.04.2017
19.	Majlis Bandaraya Alor Setar	27.04.2017
20.	Majlis Daerah Padang Terap	30.04.2017
21.	Majlis Daerah Kubang Pasu	30.04.2017
22.	Majlis Daerah Baling	31.05.2017
23.	Majlis Daerah Pendang	Belum Terima

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Kesemua Penyata Kewangan Tahun 2015 bagi 23 agensi yang telah diaudit dan mendapat Laporan Tanpa Teguran kecuali Majlis Daerah Pendang yang mendapat Laporan Berteguran kerana terdapat perbezaan di antara baki buku tunai sistem e-PBT dengan Penyata Kewangan Majlis berjumlah RM1.65 juta dan tiada perincian yang dikenalpasti berkenaan penghutang berjumlah RM1.35 juta. Jenis Laporan Audit yang dikeluarkan bagi Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 6.2**.

JADUAL 6.2
JENIS SIJIL PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TAHUN 2015

BIL.	AGENSI	JENIS SIJIL
Badan Berkanun Negeri		
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	Tanpa Teguran
2.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	Tanpa Teguran
3.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	Tanpa Teguran
4.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	Tanpa Teguran
5.	Yayasan Islam Negeri Kedah	Tanpa Teguran
6.	Majlis Sukan Negeri Kedah	Tanpa Teguran
7.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	Tanpa Teguran
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	Tanpa Teguran
9.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	Tanpa Teguran
10.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	Tanpa Teguran
11.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	Tanpa Teguran
Majlis Agama Islam		
12.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	Tanpa Teguran
Pihak Berkuasa Tempatan		
13.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	Tanpa Teguran
14.	Majlis Perbandaran Langkawi	Tanpa Teguran
15.	Majlis Daerah Padang Terap	Tanpa Teguran
16.	Majlis Daerah Yan	Tanpa Teguran
17.	Majlis Bandaraya Alor Setar	Tanpa Teguran
18.	Majlis Daerah Bandar Baharu	Tanpa Teguran
19.	Majlis Perbandaran Kulim	Tanpa Teguran
20.	Majlis Daerah Sik	Tanpa Teguran
21.	Majlis Daerah Baling	Tanpa Teguran
22.	Majlis Daerah Kubang Pasu	Tanpa Teguran
23.	Majlis Daerah Pendang	Berteguran

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.4.1. Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri yang telah disahkan hendaklah dibentang di Dewan Undangan Negeri (DUN).

6.4.2. Bagi Penyata Kewangan Tahun 2015, semua Penyata Kewangan BBN, MAI dan PBT telah dibentangkan kecuali Penyata Kewangan Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah belum dibentangkan di DUN. Manakala Penyata Kewangan Lembaga Zakat Negeri Kedah pula tidak perlu dibentangkan di DUN Negeri Kedah tetapi hanya perlu diwartakan mengikut kehendak Undang-Undang Zakat Tahun 1374 (1955). Kedudukan Penyata Kewangan Agensi Negeri tahun 2015 yang belum dibentangkan di DUN Kedah adalah seperti di **Jadual 6.3**.

JADUAL 6.3
PENYATA KEWANGAN BBN TAHUN 2015
YANG BELUM DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI

AGENSI	TARIKH DISAHKAN
Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	23.06.2016

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Kedudukan sehingga 30 Jun 2017

6.5. PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan Agensi adalah berdasarkan penyata kewangan yang dikemukakan oleh sembilan (9) BBN termasuk MAIK dan 10 PBT. Sembilan (9) BBN ini meliputi Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah, Lembaga Biasiswa Negeri Kedah, Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah, Lembaga Zakat Negeri Kedah, Lembaga Maktab Mahmud Kedah, Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Lembaga Muzium Negeri Kedah dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK). Manakala 10 PBT adalah Majlis Perbandaran Langkawi, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Daerah Sik, Majlis Daerah Yan, Majlis Daerah Bandar Baharu, Majlis Perbandaran Kulim, Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Daerah Padang Terap, Majlis Daerah Kubang Pasu dan Majlis Daerah Baling.

6.5.1. Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

6.5.1.1 Berdasarkan kepada Penyata Kewangan yang dikemukakan, adalah didapati pada keseluruhannya kedudukan kewangan BBN bagi tahun 2016 adalah kurang memuaskan berbanding tahun 2015. Pada akhir tahun 2016, Surplus Terkumpul mencatatkan pengurangan sejumlah RM27.56 juta atau 8.5% dan jumlah Aset juga berkurang sejumlah RM19.90 juta atau 4.1%. Selain itu, jumlah Aset Semasa Bersih juga turut mengalami pengurangan sejumlah RM23.03 juta atau 7.5%. Surplus tahun semasa juga telah mencatatkan penurunan sejumlah RM43.90 juta atau 269.3%. Penurunan ini berpunca daripada Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah telah mencatatkan defisit sejumlah RM11.94 juta pada tahun 2016 berbanding surplus sejumlah RM26.04 juta pada tahun 2015 iaitu pengurangan sejumlah RM37.98 juta atau 145.9%. Prestasi kewangan BBN pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 6.4**.

JADUAL 6.4
PRESTASI KEWANGAN SEMBILAN (9) BBN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)
		(RM Juta)	(%)		
1.	Surplus Terkumpul	323.78	296.22	-27.56	-8.5
2.	Jumlah Aset	482.20	462.30	-19.90	-4.1
3.	Aset Semasa Bersih	306.65	283.62	-23.03	-7.5
4.	Surplus Tahun Semasa	16.30	-27.60	-43.90	-269.3

Sumber: Penyata Kewangan BBN bagi Tahun 2016

6.5.1.2. Analisis terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 mendapat lapan (8) daripada sembilan (9) BBN mencatat defisit tahun semasa antara **RM38,878 hingga RM14.49 juta**. Lembaga Zakat Negeri Kedah telah mencatatkan defisit tertinggi berjumlah RM14.49 juta pada tahun 2016 berbanding defisit RM9.61 juta pada tahun 2015. Manakala Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah mencatatkan defisit paling rendah berjumlah RM38,878. Perbadanan Perpustakaan Awam mencatatkan surplus tahun semasa berjumlah RM1.41 juta.

6.5.1.3. Analisis terhadap Lembaran Imbangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 mendapat sembilan (9) BBN berada dalam kedudukan stabil di mana Aset Semasa melebihi Liabiliti Semasa di antara RM1.78 juta hingga RM167.50 juta. Lembaga Zakat Negeri Kedah mencatat Aset Semasa Bersih paling tinggi iaitu berjumlah RM167.50 juta diikuti Lembaga Biasiswa Negeri Kedah berjumlah RM35.30 juta. Antara Aset Semasa yang tertinggi dimiliki oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah adalah Simpanan Deposit-i Berjangka berjumlah RM116.29 juta, Wang Tunai Di Tangan dan Di Bank berjumlah RM57.29 juta dan Pinjaman Pegawai dan Kakitangan berjumlah RM3.98 juta. Dua (2) BBN mengalami Aset Semasa Bersih paling rendah iaitu Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah berjumlah RM1.78 juta dan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah berjumlah RM1.88 juta. Prestasi kewangan sembilan (9) BBN bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti di **Jadual 6.5**.

JADUAL 6.5
PRESTASI KEWANGAN SEMBILAN (9) BBN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

BIL.	AGENSI	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (RM JUTA)			LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2016 (RM JUTA)		
		PENDAPATAN	PERBELANJAAN	SURPLUS/ DEFISIT	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET SEMASA BERSIH
1.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	148.19	162.68	-14.49	179.36	11.86	167.50
2.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	1.05	1.21	-0.16	35.46	0.16	35.30
3.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	6.77	8.07	-1.30	33.81	4.90	28.91
4.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	3.22	3.26	-0.04	24.31	0.21	24.10
5.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	33.98	45.92	-11.94	19.60	1.91	17.69
6.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	5.32	5.91	-0.59	4.14	0.29	3.85
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	9.72	8.31	1.41	3.34	0.73	2.61
8.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	0.42	0.76	-0.34	2.58	0.70	1.88
9.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	2.75	2.90	-0.15	2.47	0.69	1.78
JUMLAH		211.42	239.02	-27.60	305.07	21.45	283.62

Sumber: Penyata Kewangan BBN bagi Tahun 2016

6.5.1.4. Kedudukan Surplus/Defisit BBN

Pada keseluruhannya, BBN memperoleh defisit bagi tahun semasa sejumlah RM27.60 juta, iaitu menurun sejumlah RM43.90 juta atau 269.3% berbanding surplus RM16.30 juta pada tahun 2015. Ini adalah disebabkan hanya satu (1) daripada sembilan (9) BBN mengekalkan surplus semasa, manakala satu (1) BBN menunjukkan penurunan defisit semasa dan tujuh (7) BBN mengekalkan peningkatan defisit semasa. Perbadanan Perpustakaan Awam mencatatkan peningkatan surplus sejumlah RM0.70 juta atau 98.6% pada tahun 2016. Lembaga Muzium Negeri Kedah pula mencatatkan pengurangan defisit sejumlah RM296,773 atau 33.0% pada tahun 2016. Manakala, empat (4) BBN iaitu Lembaga Maktab Mahmud Kedah, Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid, Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah dan Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah mencatatkan defisit di antara RM38,878 hingga RM11.94 juta berbanding surplus pada tahun 2015. Selain itu, tiga (3) BBN iaitu Lembaga Zakat Negeri Kedah, Lembaga Biasiswa Negeri Kedah dan MAIK mencatatkan peningkatan defisit di antara RM16,310 hingga RM4.88 juta. Kedudukan surplus/defisit sembilan (9) BBN adalah seperti di **Jadual 6.6**.

JADUAL 6.6
KEDUDUKAN SURPLUS/DEFISIT BBN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	AGENSI	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)
		(RM Juta)	(%)		
1.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	-9.61	-14.49	-4.88	50.8
2.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	-0.15	-0.16	-0.01	6.7
3.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	-0.15	-1.30	-1.15	766.7
4.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	0.07	-0.04	-0.11	-157.1
5.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	26.04	-11.94	-37.98	-145.9
6.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	-0.88	-0.59	0.29	-33.0
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	0.71	1.41	0.70	98.6
8.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	0.13	-0.34	-0.47	-361.5
9.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	0.14	-0.15	-0.29	-207.1
JUMLAH		16.30	-27.60	-43.90	-269.3

Sumber: Penyata Kewangan BBN bagi Tahun 2015 dan 2016


6.5.1.5. Analisis Aset

Pada akhir tahun 2016, sembilan (9) BBN memiliki Aset sejumlah RM462.30 juta berbanding RM482.20 juta pada tahun 2015, iaitu penurunan sejumlah RM19.90 juta atau 4.1%. Daripada jumlah aset tersebut, jumlah Aset Semasa pada akhir tahun 2016 adalah RM305.07 juta berbanding RM326.84 juta pada tahun 2015, iaitu mengalami pengurangan sejumlah RM21.77 juta atau 6.7%. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, nilai Aset Semasa Bersih telah mengalami penurunan daripada RM306.65 juta pada akhir tahun 2015 menjadi RM283.62 juta pada akhir tahun 2016 iaitu penurunan sejumlah RM23.03 juta atau 7.5%. Tujuh (7) BBN mencatatkan pengurangan nilai Aset Semasa Bersih tahun 2016 berbanding tahun 2015 di antara RM0.11 juta hingga RM12.18 juta. Pengurangan Aset Semasa Bersih tertinggi dimiliki oleh Lembaga Maktab Mahmud Kedah berjumlah RM12.18 juta diikuti oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah berjumlah RM10.16 juta. Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah mencatatkan penurunan paling ketara dalam Aset Semasa Bersih kerana pengurangan dalam Wang Tunai Di Bank dan Di Tangan serta Pendahuluan Gaji Kementerian Pendidikan Malaysia. Dua (2) BBN iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah dan MAIK mencatatkan peningkatan nilai Aset Semasa Bersih pada tahun 2016 masing-masing berjumlah RM1.21 juta dan RM0.17 juta.

6.5.1.6. Analisis Pelaburan

- a. Pada akhir tahun 2016, jumlah pelaburan bagi sembilan (9) BBN, iaitu Lembaga Zakat Negeri Kedah, Lembaga Biasiswa Negeri Kedah, MAIK, Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah, Lembaga Maktab Mahmud Negeri Kedah, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Perbadanan

Perpustakaan Awam Kedah, Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah dan Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah adalah berjumlah RM176.49 juta. Pelaburan ini terdiri daripada Pelaburan dalam anak syarikat, saham amanah dan lain-lain pelaburan. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah Pelaburan telah mencatat penurunan sejumlah RM32.95 juta atau 15.7% daripada RM209.44 juta pada tahun 2015 menjadi RM176.49 juta pada tahun 2016. Pelaburan bagi tahun 2016 adalah seperti di **Carta 6.1**.



Sumber: Penyata Kewangan BBN bagi Tahun 2016

- b. Analisis Audit terhadap Pelaburan mendapati Lembaga Maktab Mahmud Kedah mencatat pertambahan Pelaburan tertinggi iaitu RM7.06 juta atau 14,120.0% pada tahun 2016. Selain itu, pelaburan bagi dua (2) BBN turut mengalami peningkatan iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah sejumlah RM0.10 juta atau 1,000% dan Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah sejumlah RM13,179 atau 1.8% pada tahun 2016. Manakala pelaburan bagi enam (6) BBN lain iaitu Lembaga Zakat Negeri Kedah, Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah, MAIK, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah dan Lembaga Biasiswa Negeri Kedah berkurang antara RM34,061 hingga RM35.50 juta pada tahun 2016. Pelaburan BBN pada tahun 2015 dan 2016 adalah seperti di **Jadual 6.7**.

JADUAL 6.7
PELABURAN SEMBILAN BBN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	AGENSI	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	151.79	116.29	-35.50	-23.4
2.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	5.18	5.14	-0.04	-0.8
3.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	30.01	29.38	-0.63	-2.1
4.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	14.84	11.43	-3.41	-23.0
5.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	0.05	7.11	7.06	14,120.0
6.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	3.91	3.44	-0.47	-12.0
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	0.01	0.11	0.10	1,000.0
8.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	3.09	3.02	-0.07	-2.3
9.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	0.56	0.57	0.01	1.8
JUMLAH		209.44	176.49	-32.95	-15.7

Sumber: Penyata Kewangan BBN bagi Tahun 2015 dan 2016

6.5.1.7. Analisis Liabiliti

Pada akhir tahun 2016, jumlah Liabiliti bagi sembilan (9) BBN adalah berjumlah RM21.45 juta berbanding RM20.20 juta pada tahun 2015 iaitu mengalami peningkatan sejumrah RM1.25 juta atau 6.2%. Lima (5) daripada sembilan (9) BBN mengalami peningkatan jumlah Liabiliti berjumlah di antara RM30,498 hingga RM1.13 juta. Lembaga Zakat Negeri Kedah mengalami peningkatan jumlah Liabiliti tertinggi iaitu berjumlah RM1.13 juta atau 10.5% disebabkan oleh peningkatan dalam Cagaran Diterima berjumlah RM728,069 dan Pelbagai Pembiutang berjumlah RM11.14 juta. Manakala dua (2) BBN iaitu MAIK dan Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah tidak mengalami perubahan dalam jumlah Liabiliti. Selain itu, dua (2) BBN mengalami pengurangan Liabiliti iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah berjumlah RM419,527 atau 36.5% dan Lembaga Maktab Mahmud Kedah berjumlah RM294,365 atau 13.2%. Kedudukan Liabiliti bagi sembilan (9) BBN pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 6.8**.

JADUAL 6.8
LIABILITI SEMBILAN BBN TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	AGENSI	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	10.73	11.86	1.13	10.5
2.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	0.01	0.16	0.15	1,500.0
3.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	4.90	4.90	0.00	0.0
4.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	0.18	0.21	0.03	16.7
5.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	2.20	1.91	-0.29	-13.2
6.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	0.03	0.29	0.26	866.7
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	1.15	0.73	-0.42	-36.5
8.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	0.31	0.70	0.39	125.8
9.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	0.69	0.69	0.00	0.0
JUMLAH		20.20	21.45	1.25	6.2

Sumber: Penyata Kewangan BBN bagi Tahun 2015 dan 2016

6.5.1.8. Analisis Nisbah

Analisis Kecairan dan Kestabilan diukur melalui Nisbah Semasa, Nisbah Cepat, Modal Kerja, Aliran Tunai Bersih dan Nisbah Hutang. Semua sembilan (9) BBN menunjukkan Nisbah Kecairan melebihi dua (2) iaitu menggambarkan BBN mampu untuk membiayai Tanggungan Jangka Pendek. Pada keseluruhannya, sembilan (9) BBN memperoleh Modal Kerja yang mencukupi bagi memenuhi keperluan pengurusan serta menghasilkan pendapatan dan menjalankan kegiatan/operasi jangka pendek. Bagaimanapun, lima (5) Agensi iaitu Lembaga Zakat Negeri Kedah, MAIK, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah dan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah menunjukkan Aliran Tunai Bersih yang negatif. Ini bermakna tunai yang dijana daripada aktiviti operasi kurang mencukupi untuk membiayai aktivitinya. Selain itu, dua (2) BBN menunjukkan asetnya dibiayai oleh hutang iaitu Nisbah Hutang bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah adalah 15.1% dan Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah adalah 14.1%. Penilaian terhadap Analisis Kecairan dan Kestabilan BBN adalah seperti di **Jadual 6.9**.

JADUAL 6.9
ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN SEMBILAN BBN BAGI TAHUN 2016

BIL.	AGENSI	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	MODAL KERJA	ALIRAN TUNAI BERSIH	NISBAH HUTANG
				(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lembaga Zakat Negeri Kedah	15.12	15.12	167.50	-10.81	4.2
2.	Lembaga Biasiswa Negeri Kedah	221.63	221.63	35.30	0.18	0.5
3.	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	6.90	6.90	28.91	-1.84	3.1
4.	Lembaga Kemajuan Penanam-Penanam Padi Kedah	115.76	115.76	24.10	0.63	0.5
5.	Lembaga Maktab Mahmud Kedah	10.26	10.26	17.69	2.50	4.0
6.	Lembaga Muzium Negeri Kedah	14.28	14.28	3.85	-0.27	6.4
7.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah	4.58	4.58	2.61	-0.42	15.1
8.	Lembaga Tabung Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Kedah	3.69	3.69	1.88	-0.02	14.1
9.	Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah	3.58	3.58	1.78	0.13	2.4

Sumber: Penyata Kewangan BBN bagi Tahun 2016

6.5.2. Prestasi Anak Syarikat BBN

6.5.2.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2016, MAIK mempunyai pelaburan sejumlah RM350,002 dalam dua (2) anak syarikat. Analisis Audit mendapati kedua-dua anak syarikat tersebut adalah berstatus aktif.

6.5.2.2. Analisis Surplus/Defisit Terkumpul Anak Syarikat

Pada 31 Disember 2016, dua (2) anak syarikat di bawah MAIK telah memperoleh surplus terkumpul berjumlah RM1.07 juta.

6.5.3. Prestasi Kewangan PBT

6.5.3.1. Setakat 30 Jun 2017, Jabatan Audit Negara menerima Penyata Kewangan Tahun 2016 daripada 10 PBT untuk diaudit. Analisis terhadap 10 Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 mendapati sembilan (9) PBT mengalami defisit di mana Majlis Perbandaran Sungai Petani mencatatkan defisit tertinggi iaitu berjumlah RM6.10 juta, manakala Majlis Perbandaran Langkawi mengalami surplus sejumlah RM4.60 juta. Analisis Audit terhadap Lembaran Imbangan pula mendapati PBT mencatatkan nilai keseluruhan Aset Semasa Bersih berjumlah RM107.12 juta. Majlis Perbandaran Sungai Petani mencatatkan nilai Aset Semasa Bersih tertinggi iaitu berjumlah RM55.59 juta manakala Majlis Perbandaran Kulim mencatatkan defisit bagi nilai Aset Semasa Bersih sejumlah RM5.95 juta. Prestasi kewangan 10 PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 adalah seperti **Jadual 6.10**.

JADUAL 6.10
PRESTASI KEWANGAN 10 PBT BAGI TAHUN 2016

BIL.	PBT	PENYATA PENDAPATAN PADA 31 DISEMBER 2016 (RM Juta)			LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2016 (RM Juta)		
		PENDAPATAN	PERBELANJAAN	SURPLUS/ DEFISIT	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET SEMASA BERSIH
1.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	64.48	70.58	-6.10	111.30	55.71	55.59
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	80.22	82.98	-2.76	66.66	61.37	5.29
3.	Majlis Daerah Kubang Pasu	21.46	26.54	-5.08	36.35	10.61	25.74
4.	Majlis Perbandaran Kulim	40.32	43.49	-3.17	24.74	30.69	-5.95
5.	Majlis Perbandaran Langkawi	26.73	22.13	4.60	24.63	12.30	12.33
6.	Majlis Daerah Baling	14.74	17.10	-2.36	12.17	3.42	8.75
7.	Majlis Daerah Sik	8.17	9.05	-0.88	4.01	1.21	2.80
8.	Majlis Daerah Bandar Baharu	5.61	6.60	-0.99	3.84	3.56	0.28
9.	Majlis Daerah Yan	6.29	7.94	-1.65	3.63	3.52	0.11
10.	Majlis Daerah Padang Terap	7.64	7.85	-0.21	3.42	1.24	2.18
JUMLAH		275.66	294.26	-18.60	290.75	183.63	107.12

Sumber: Penyata Kewangan PBT bagi Tahun 2016

6.5.3.2. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan 10 PBT pada tahun 2016 menunjukkan defisit berjumlah RM18.60 juta, iaitu mengalami penurunan sejumlah RM31.32 juta atau 246.2% berbanding surplus RM12.72 juta pada tahun 2015. Kedudukan surplus/defisit 10 PBT tersebut adalah seperti **Jadual 6.11**.

JADUAL 6.11
PRESTASI KEWANGAN 10 PBT TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	PBT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	SURPLUS/DEFISIT (RM Juta)	SURPLUS/DEFISIT (RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	12.72	-6.10	-18.82	-148.0
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	1.95	-2.76	-4.71	-241.5
3.	Majlis Daerah Kubang Pasu	0.32	-5.08	-5.40	1,687.5
4.	Majlis Perbandaran Kulim	-5.24	-3.17	2.07	-39.5
5.	Majlis Perbandaran Langkawi	3.63	4.60	0.97	26.7
6.	Majlis Daerah Baling	-0.59	-2.36	-1.77	300.0
7.	Majlis Daerah Sik	0.87	-0.88	-1.75	-201.1
8.	Majlis Daerah Bandar Baharu	-0.31	-0.99	-0.68	219.4
9.	Majlis Daerah Yan	-0.35	-1.65	-1.30	371.4
10.	Majlis Daerah Padang Terap	-0.28	-0.21	0.07	-25.0
JUMLAH		12.72	-18.60	-31.32	-246.2

Sumber: Penyata Kewangan PBT bagi Tahun 2015 dan 2016

6.5.3.3. Pada tahun 2016, tiga (3) PBT mengalami peningkatan dalam defisit iaitu Majlis Daerah Bandar Baharu, Majlis Daerah Yan dan Majlis Daerah Baling masing-masing berjumlah RM0.68 juta, RM1.30 juta dan RM1.77 juta. Empat (4) PBT pula iaitu Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Daerah Kubang Pasu, Majlis Bandaraya Alor Setar dan Majlis Daerah Sik mengalami defisit pada tahun 2016 berbanding surplus pada tahun 2015. Selain itu, Majlis Perbandaran Langkawi menunjukkan peningkatan surplus sejumlah RM0.97 juta berbanding tahun 2015 iaitu daripada RM3.63 juta menjadi RM4.60 juta pada tahun 2016, manakala Majlis Perbandaran Kulim dan Majlis Daerah Padang Terap menunjukkan pengurangan defisit masing-masing berjumlah RM2.07 juta atau 39.5% dan RM70,413 atau 25.0%.

6.5.3.4. Aset Semasa Bersih

Semua PBT di Negeri Kedah mengamalkan perakaunan berasaskan akruan. Pada tahun 2016, nilai Aset Semasa bagi 10 PBT adalah berjumlah RM290.75 juta iaitu mengalami pengurangan sejumlah RM9.51 juta atau 3.2% berbanding tahun 2015 berjumlah RM300.26 juta. Manakala Liabiliti Semasa bagi 10 PBT meningkat sejumlah RM12.49 juta atau 7.3% menjadi RM183.63 juta pada akhir tahun 2016 berbanding tahun 2015 berjumlah RM171.14 juta. Aset Semasa Bersih bagi 10 PBT pada akhir tahun 2016 berjumlah RM107.12 juta berkurangan sejumlah RM22 juta atau 17% berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM129.12 juta. Butiran mengenai Aset dan Liabiliti semasa bagi 10 PBT adalah seperti di **Jadual 6.12**.

JADUAL 6.12
ASET DAN LIABILITI SEMASA PBT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015 DAN 2016

BIL.	PBT	TAHUN 2015			TAHUN 2016		
		ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET SEMASA BERSIH	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET SEMASA BERSIH
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	122.61	51.88	70.73	111.30	55.71	55.59
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	63.76	56.97	6.79	66.66	61.37	5.29
3.	Majlis Daerah Kubang Pasu	40.39	9.21	31.18	36.35	10.61	25.74
4.	Majlis Perbandaran Kulim	24.14	27.66	-3.52	24.74	30.69	-5.95
5.	Majlis Perbandaran Langkawi	17.09	12.74	4.35	24.63	12.30	12.33
6.	Majlis Daerah Baling	14.73	3.08	11.65	12.17	3.42	8.75

BIL.	PBT	TAHUN 2015			TAHUN 2016		
		ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET SEMASA BERSIH	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET SEMASA BERSIH
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
7.	Majlis Daerah Sik	4.82	1.30	3.52	4.01	1.21	2.80
8.	Majlis Daerah Bandar Baharu	4.69	4.11	0.58	3.84	3.56	0.28
9.	Majlis Daerah Yan	3.67	1.70	1.97	3.63	3.52	0.11
10.	Majlis Daerah Padang Terap	4.36	2.49	1.87	3.42	1.24	2.18
JUMLAH		300.26	171.14	129.12	290.75	183.63	107.12

Sumber: Penyata Kewangan PBT bagi Tahun 2015 dan 2016

6.5.3.5. Hasil dan Tuggakan Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan berkadar atau harta tanah yang terletak di dalam kawasan pentadbiran PBT. Ianya merupakan penyumbang utama kepada pendapatan sesebuah PBT. Harta pegangan yang dikenakan Cukai Taksiran meliputi bangunan kediaman, perniagaan dan perindustrian, tanah kosong serta semua tanah dan bangunan yang diduduki bagi maksud awam oleh atau bagi pihak Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Awam melalui caruman berkadar. Sehingga akhir tahun 2016, Cukai Taksiran berjumlah RM114.63 juta telah dikutip oleh 10 PBT di Negeri Kedah iaitu meningkat sejumrah RM6.23 juta atau 5.7% berbanding tahun 2015 yang berjumlah RM108.40 juta. Cukai Taksiran tahun 2016 yang dikutip oleh lapan (8) PBT meningkat di antara RM118,577 hingga RM2.32 juta. Cukai Taksiran bagi dua (2) PBT pula mengalami pengurangan iaitu Majlis Daerah Sik berjumlah RM484,799 atau 38.4% dan Majlis Daerah Kubang Pasu sejumrah RM298,726 atau 5.2% pada tahun 2016. Jumlah Cukai Taksiran yang dikutip oleh 10 PBT pada tahun 2015 dan 2016 adalah seperti **Jadual 6.13**.

JADUAL 6.13
KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN 10 PBT TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	PBT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(RM Juta)
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	38.28	40.01	1.73	4.5
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	32.88	35.20	2.32	7.1
3.	Majlis Daerah Kubang Pasu	5.74	5.44	-0.30	-5.2
4.	Majlis Perbandaran Kulim	15.24	15.86	0.62	4.1
5.	Majlis Perbandaran Langkawi	10.44	11.64	1.20	11.5

BIL.	PBT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015	2016	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
6.	Majlis Daerah Baling	2.03	2.15	0.12	5.9
7.	Majlis Daerah Sik	1.25	0.77	-0.48	-38.4
8.	Majlis Daerah Bandar Baharu	0.67	0.79	0.12	17.9
9.	Majlis Daerah Yan	0.72	0.90	0.18	25.0
10.	Majlis Daerah Padang Terap	1.15	1.87	0.72	62.6
JUMLAH		108.40	114.63	6.23	5.7

Sumber: Penyata Kewangan PBT bagi Tahun 2015 dan 2016

- b. Tuggakan Cukai Taksiran bagi 10 PBT telah meningkat sejumlah RM0.19 juta atau 0.2% iaitu daripada RM92.77 juta pada tahun 2015 menjadi RM92.96 juta pada tahun 2016. Tujuh (7) PBT mengalami peningkatan dalam tuggakan cukai taksiran iaitu di antara RM32,622 hingga RM1.21 juta. Majlis Perbandaran Sungai Petani mengalami peningkatan tuggakan cukai taksiran paling tinggi pada tahun 2016 berjumlah RM36.02 juta berbanding tahun 2015 berjumlah RM34.81 juta iaitu meningkat sejumlah RM1.21 juta atau 3.5%. Tiga (3) PBT pula mencatatkan penurunan tuggakan cukai antara RM95,164 hingga RM1.57 juta atau 13.5% hingga 19.5%. Tuggakan Cukai Taksiran bagi 10 PBT adalah seperti **Jadual 6.14**.

JADUAL 6.14
TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN PBT TAHUN 2016 BERBANDING TAHUN 2015

BIL.	PBT	TAHUN		PERUBAHAN	
		2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	34.81	36.02	1.21	3.5
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	25.71	26.33	0.62	2.4
3.	Majlis Daerah Kubang Pasu	6.70	5.46	-1.24	-18.5
4.	Majlis Perbandaran Kulim	12.29	13.24	0.95	7.7
5.	Majlis Perbandaran Langkawi	8.07	6.50	-1.57	-19.5
6.	Majlis Daerah Baling	2.38	2.47	0.09	3.8
7.	Majlis Daerah Sik	0.69	0.72	0.03	4.3
8.	Majlis Daerah Bandar Baharu	0.53	0.63	0.10	18.9
9.	Majlis Daerah Yan	0.85	0.95	0.10	11.8
10.	Majlis Daerah Padang Terap	0.74	0.64	-0.10	-13.5
JUMLAH		92.77	92.96	0.19	0.2

Sumber: Penyata Kewangan PBT bagi Tahun 2015 dan 2016

- c. Secara keseluruhannya, tuggakan Cukai Taksiran bagi 10 PBT menunjukkan peningkatan pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Peningkatan tuggakan cukai taksiran ini perlu diberi perhatian serius agar kedudukan kewangan Majlis terkawal. Antara sebab peningkatan tuggakan

ini adalah sikap pemilik pegangan yang tidak prihatin dan kurang mengambil berat tanggungjawab untuk membayar cukai. Sehubungan itu, pihak Majlis perlu mengambil tindakan yang lebih tegas untuk mengurangkan kadar tunggakan Cukai Taksiran seperti mengeluarkan dan menghantar notis tuntutan selepas tarikh genap bayaran, mengambil tindakan undang-undang terhadap penghutang, mengadakan kaunter bergerak dan menyita pegangan yang berkaitan.

- d. Berdasarkan Penyata Kewangan bagi tahun 2016, jumlah Pendapatan bagi 10 PBT adalah RM275.66 juta. Jumlah tunggakan Cukai Taksiran pula adalah RM92.96 juta iaitu 33.7% daripada jumlah pendapatan PBT. Kedudukan tunggakan Cukai Taksiran berbanding Pendapatan PBT bagi tahun 2016 adalah seperti di **Jadual 6.15**.

JADUAL 6.15
TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN BERBANDING PENDAPATAN BAGI TAHUN 2016

BIL.	PBT	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN	PENDAPATAN	TUNGGAKAN BERBANDING PENDAPATAN
		(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Perbandaran Sungai Petani	36.02	64.48	55.9
2.	Majlis Bandaraya Alor Setar	26.33	80.22	32.8
3.	Majlis Daerah Kubang Pasu	5.46	21.46	25.4
4.	Majlis Perbandaran Kulim	13.24	40.32	32.8
5.	Majlis Perbandaran Langkawi	6.50	26.73	24.3
6.	Majlis Daerah Baling	2.47	14.74	16.8
7.	Majlis Daerah Sik	0.72	8.17	8.8
8.	Majlis Daerah Bandar Baharu	0.63	5.61	11.2
9.	Majlis Daerah Yan	0.95	6.29	15.1
10.	Majlis Daerah Padang Terap	0.64	7.64	8.4
JUMLAH		92.96	275.66	33.7

Sumber: Penyata Kewangan PBT bagi Tahun 2016

6.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

6.6.1. Rumusan keseluruhan bagi penyerahan, pengesahan, pembentangan Penyata Kewangan dan prestasi kewangan Agensi Negeri adalah:

- 16 Agensi telah mengemukakan Penyata Kewangan tahun 2016 sebelum atau pada 30 April 2017, tiga (3) agensi sebelum 30 Jun 2017 dan empat (4) selepas 30 Jun 2017; dan
- Penyata Kewangan bagi Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah tahun 2015 belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah setakat 30 Jun 2017.

6.6.2. Kedudukan kewangan Badan-badan Berkanun Negeri bagi tahun 2016 berdasarkan prestasi sembilan (9) BBN adalah kurang memuaskan seperti berikut:

- Surplus terkumpul menurun sejumlah RM27.56 juta atau 8.5%;
- Jumlah Aset menurun RM19.90 juta atau 4.1%;
- Jumlah Aset Semasa Bersih menurun RM23.03 juta atau 7.5%;
- Surplus tahun semasa menurun RM43.90 juta atau 269.3% menjadikan defisit berjumlah RM27.60 juta;
- Pelaburan menurun sejumlah RM32.95 juta atau 15.7% menjadi RM176.49 juta; dan
- Liabiliti meningkat sejumlah RM1.25 juta atau 6.2% menjadi sejumlah RM21.45 juta.

6.6.3. Kedudukan kewangan Pihak Berkusa Tempatan bagi tahun 2016 adalah berdasarkan prestasi 10 PBT seperti berikut:

- Prestasi kewangan tahun semasa menurun sebanyak 246.2% menyebabkan berlaku defisit berjumlah RM18.60 juta;
- Aset Semasa menurun RM9.51 juta atau 3.2%; dan
- Tunggakan Cukai Taksiran meningkat kepada RM92.96 juta iaitu 0.2%.

6.6.4. Untuk memastikan pengurusan Penyata Kewangan serta prestasi agensi ditambah baik adalah disyorkan:

- Pihak pengurusan BBN dan PBT berkenaan perlu mengambil tindakan proaktif bagi memastikan Penyata Kewangan tahunan dikemukakan dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- Ketua Agensi BBN/PBT perlu bertindak proaktif dan tegas dalam melaksanakan program dan aktiviti yang dapat menjana pendapatan. BBN/PBT yang mengalami defisit perlu mengamalkan perbelanjaan berhemat supaya pendapatan yang diperolehi dapat menampung Perbelanjaan Mengurus; dan
- Pihak Berkusa Tempatan hendaklah mengambil langkah yang berkesan dan proaktif untuk memungut hasil bagi mengurangkan trend tunggakan Cukai Taksiran yang semakin meningkat dan perlu memperkemas pengurusan kewangan PBT.

BAHAGIAN V
PEMBENTANGAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

7. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/ AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan segera di Dewan Undangan Negeri (DUN). Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Kedah Tahun 2015 dan Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2015 Siri 2 telah dibentangkan di DUN pada 10 Mei 2017.

8. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri berperanan memastikan wujudnya akauntabiliti awam di Jabatan dan Agensi Negeri. Selaras dengan peranan ini, Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 11 kali iaitu tujuh (7) kali pada tahun 2016 dan empat (4) kali sehingga 30 Jun 2017 bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, mengkaji isu Laporan Ketua Audit Negara dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua Jabatan dan Agensi Negeri seperti **Jadual 8.1**.

JADUAL 8.1
PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENSI	PERKARA DIBINCANGKAN
TAHUN 2016			
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2014 SIRI 1			
1.	20 Mac 2016	1. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri 2. Pejabat Tanah, Daerah Pendang 3. Pejabat Tanah, Daerah Sik	Pengurusan Pengeluaran Bahan Batuan
2.	31 Mac 2016	1. Majlis Daerah Kubang Pasu 2. Majlis Daerah Pendang	Pengurusan Perolehan
3.	22 Mei 2016	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	Pengurusan Perolehan
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2014 SIRI 2			
4.	2 Jun 2016	Jabatan Pengairan dan Saliran	Pengurusan Program Pemeliharaan dan Pemuliharaan Sungai
5.	21 Jun 2016	Majlis Daerah Yan	Penyata Kewangan/ Indeks Akauntabiliti
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2014 SIRI 3			
6.	7 Ogos 2016	Majlis Agama Islam Kedah	Pengurusan Hartanah Wakaf
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2015 SIRI 1			
7.	24 Oktober 2016	1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri 2. Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	Pengurusan Perumahan Kuota Melayu
TAHUN 2017			
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2015 SIRI 1			
1.	16 Januari 2017	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah	KLPK Ventures Sdn. Bhd.
2.	25 Januari 2017	1. Jabatan Kerja Raya 2. Jabatan Pengairan dan Saliran 3. Majlis Bandaraya Alor Setar	Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2015 SIRI 2			
3.	21 Mei 2017	1. Pejabat Tanah Kota Setar 2. Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena	Pengurusan Kutipan Hasil Cukai Tanah
4.	11 Jun 2017	1. Majlis Bandaraya Alor Setar 2. Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah	Pengurusan Papan Iklan

Sumber: Jabatan Audit Negara

PENUTUP



PENUTUP


Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2016 adalah baik manakala tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri adalah memuaskan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2016 menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2015. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan masing-masing adalah pada tahap kurang memuaskan berbanding tahun 2015. Manakala, prestasi pelaksanaan projek di bawah RMKe-11 yang berakhir pada tahun 2016 adalah cemerlang kerana 90.7% projek telah disiapkan. Prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kedah masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan Negeri disarankan meneruskan usaha meningkatkan hasil pendapatan melalui pelbagai sumber, mengamalkan perbelanjaan secara berhemat, mengurangkan tunggakan hasil dan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut serta membuat bayaran balik pinjaman/hutang lain mengikut jadual yang ditetapkan supaya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri berada dalam keadaan lebih kukuh. Selain itu, tadbir urus Tabung Akaun Amanah perlu dipertingkatkan supaya ianya sejajar dengan objektif utama penubuhan tabung berkenaan.
- b. Ketua Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan.
- c. Ketua Jabatan/Ketua Agensi perlu mewujudkan sistem *check and balance*, mengadakan pemantauan berterusan, *spot check* dan penilaian secara berkala terhadap kerja yang dilaksanakan oleh pegawai termasuk memberi latihan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pegawai.
- d. Ketua Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam(UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalam malahan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

11 Oktober 2017

The background of the image features a complex, abstract geometric pattern composed of overlapping triangles. The triangles are primarily two colors: a deep, saturated red and a medium-toned grey. The pattern is dense and organic, creating a sense of depth and movement. The overall composition is modern and minimalist.

LAMPIRAN





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI KEDAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kedah pada 31 Disember 2016; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diseleggarakan dengan teratur dan kemas kini.

Madinah

(TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
15 Mei 2017



Lampiran II

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI KEDAH

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri Kedah

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2016.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah tahun 2016.



DATUK WIRA HAJI MOHD FUZI BIN MOHAIDIN
DGMK., DSDK., AMK., BCK., ASK., BPL.
Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.
25/01/2017



NAZHATUN BINTI MD REJAB, AMK., C.A(M).
Bendahari Negeri Kedah Darul Aman.
25/01/2017

Lampiran III

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN pada 31 Disember 2016

	<u>Nota</u>	<u>2016</u> <i>RM</i>	<u>2015</u> <i>RM</i>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	29,424,948.63	5,716,896.48
PELABURAN	4	41,263,436.77	37,695,978.82
		<hr/> 70,688,385.40	<hr/> 43,412,875.30
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(557,207,931.02)	(497,934,203.80)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	1,940,010.00	23,864,388.45
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	625,956,306.42	517,482,690.65
		<hr/> 70,688,385.40	<hr/> 43,412,875.30

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran IV

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

	<u>Nota</u>	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
TERIMAAN			
Hasil	5		
Hasil Cukai		352,921,863.19	212,234,991.58
Hasil Bukan Cukai		73,203,676.17	73,919,135.88
Terimaan Bukan Hasil		<u>175,505,562.08</u>	<u>601,631,101.44</u> <u>124,896,965.54</u> 411,051,093.00
Pinjaman	6		
Dalam Negeri		63,374,638.00	20,000,000.50
Luar Negeri		<u>0.00</u>	<u>63,374,638.00</u> <u>0.00</u> 20,000,000.50
Terimaan Modal	7		
Terimaan Balik Pinjaman		19,838,201.74	18,010,070.89
Jualan Aset Modal		13,432,542.05	46,635,904.55
Pelbagai Terimaan Modal		<u>144,226,304.84</u>	<u>177,497,048.63</u> <u>46,903,492.72</u> 111,549,468.16
Terimaan Lain	7		
Terimaan Amanah		<u>619,258,807.89</u>	<u>619,258,807.89</u> <u>1,567,568,755.22</u> 1,567,568,755.22
Jumlah Terimaan		<u>1,461,761,595.96</u>	<u>2,110,169,316.88</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

	<u>Nota</u>	<u>2016</u>	<u>RM</u>	<u>2015</u>	<u>RM</u>
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		208,078,925.64		193,685,309.44	
Perkhidmatan dan Bekalan		138,324,680.15		147,454,864.65	
Aset		10,808,798.77		12,060,513.96	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		264,171,166.70		144,209,019.59	
Perbelanjaan Lain		<u>12,609,783.15</u>	633,993,354.41	<u>11,003,715.04</u>	508,413,422.68
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		195,067,964.55		161,567,135.39	
Pinjaman		<u>56,289,005.41</u>	251,356,969.96	<u>29,792,671.61</u>	191,359,807.00
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>17,000,000.00</u>	17,000,000.00	<u>305,000.00</u>	305,000.00
Pinjaman					
Dalam Negeri		26,911,474.25		-	
Luar Negeri		<u>0.00</u>	26,911,474.25	<u>0.00</u>	-
Bayaran Lain					
Akaun Amanah	7	<u>508,791,745.19</u>	508,791,745.19	<u>1,468,583,058.87</u>	1,468,583,058.87
Jumlah Bayaran			<u>1,438,053,543.81</u>		<u>2,168,661,288.55</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			23,708,052.15		(58,491,971.67)
Wang Tunai Pada 1 Januari			5,716,896.48		64,208,868.15
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>29,424,948.63</u>		<u>5,716,896.48</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran V

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

		<u>2016</u>	<u>2015</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>
		<u>RM</u>	<u>RM</u>
HASIL	5	721,624,745.00	601,631,101.44
<i>Tolak:</i>			
Belanja Mengurus	5	829,507,227.00	660,904,828.66
LEBIHAN HASIL		(107,882,482.00)	(59,273,727.22)
<i>Tolak:</i>			
Belanja Pembangunan	7	353,767,656.00	251,356,969.96
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(481,650,138.00)	(310,630,697.18)
KURANGAN DIBIAYAI OLEH:			
Pinjaman Dalam Negeri		63,374,638.00	20,000,000.50
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7	177,497,048.63	111,549,468.16
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7	69,759,010.55	157,172,668.02
JUMLAH PEMBIAYAAN		310,630,697.18	288,722,136.68

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran VI

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2016

	<u>Nota</u>	<u>2016</u> RM	<u>2015</u> RM
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		294,486,026.36	314,324,228.10
Pelaburan		15,600,003.00	12,100,003.00
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam		2,396,374,621.74	2,359,910,495.71
Pelbagai Liabiliti		367,188,950.00	411,696,950.00

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran VII

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2016

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

